AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 28 RABU 11 JULAI, 1984. رابو 12 شوال 1404 PERCUMA

# DAULAT DULI TUAN PATEK

## ALLAH LANJUTKAN USIA KEBAWAH D.Y.M.M.

## PERSIAPAN PERAYAAN PUJA USIA KEBAWAH D.Y.M.M. KE-38

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perayaan sempena Hari Keputeraan yang ke-38 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan bermula hari Ahad 15 Julai ini.

Upacara Perbarisan Kehormatan yang merupakan kemuncak perayaan akan bermula pukul 7.30 pagi di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di sini di bawah perintah Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Lt. Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Husin bin Ahmad.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke upacara tersebut dan akan menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa pasukan-pasukan yang menyertai perbarisan yang terdiri dari tiga pasukan Kawalan Bersenjata iaitu anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan Pasukan Polis Diraja Brunei serta Pasukan Panji-Panji masing-masing.

Turut menyertai perbarisan itu nanti ialah pasukan-pasukan kakitangan Jabatan-jabatan Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan awam yang beruniform yang terdiri dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Laut; Jabatan Bomba; Jabatan Imigresen; Pasukan Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei; Pertubuhan Bulan Sabit Merah; Pertubuhan Pengakap; Pertubuhan Pandu Puteri dan Pasukan Boys Brigade serta gabungan pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang akan menyerikan upacara perbarisan pagi itu.

Upacara perbarisan akan diakhiri dengan tiga kali sorak kegembiraan 'Daulat Duli Tuan Patik' oleh peserta perbarisan diikuti dengan terbang lalu oleh pesawat-pesawat terbang Angkatan Udara Diraja Brunei.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Lapau Diraja diiringi oleh Kerabat-kerabat Diraja bagi Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, satu latihan perbarisan (rehearsal) diadakan pagi ini; esuk dan seterusnya Jumaat mulai pukul 7.30 pagi.

Selain itu sejak beberapa minggu yang lalu, ibu negara dan pekan-pekan yang lain di seluruh negara sekali lagi bertukar wajah dengan hiasan pintu-pintu gerbang dan lampu-lampu cucul serta kibaran-kibaran bendera negara di tepi-tepi jalan dan di atas bangunan-bangunan Kerajaan dan swasta.

Di antara aturcara yang menarik di sepanjang perayaan ini ialah Pameran POSPA Brunei '84 anjuran Jabatan Perkhidmatan Pos bertempat di Muzium Kota Batu pada hari Isnin 16 Julai pukul 8.00 pagi manakala di sebelah malamnya pula akan berlangsung perarakan Kereta Berhias, Tanglung Berjalan Kaki, Pasukan Pakaian Beragam; dan Pasukan Pancaragam Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab.

Manakala Perarakan Kenaikan di Laut Di Sungai

Lihat muka 16

### Pameran Pos kali ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan sambutan perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pameran Pos kali ke-4 (POSPA BRUNEI '84) akan diadakan pada 16 Julai hingga 23 Julai 1984 bertempat di Muzium Brunei.

Pembukaan rasmi pameran itu akan disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang Merangkap Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 16 Julai 1984 jam 9.30 pagi.



LEBIH dari 1,400 orang telah berkunjung ke Istana Darul Aman pada hari Jumaat lepas untuk menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Mereka adalah terdiri dari penduduk dan pegawai-pegawai Kerajaan di Pekan Muara dan kampung-kampung di sekitarnya.

Gambar atas kelihatan orang ramai junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

## Hampir 27,000 ziarah ke Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 27,000 orang rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari segenap lapisan masyarakat telah berkunjung ke Istana Nurul Iman untuk menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan junjung ziarah kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Rakyat jelata dan orang ramai juga menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya dan junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; putera Kebawah D.Y.M.M.; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja.

Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

"DAN janganlah engkau membela orang-orang yang mengkhianati dirinya sendiri; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang khianat dan berdosa." — Makna ayat 107 Surah An-Nisa'.

# PEPERIKSAAN RSA BAGI BULAN NOVEMBER

BERAKAS. — Persediaan kini sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan Royal Society of Arts dalam mata pelajaran tunggal (single subject) dalam bulan November 1984 di lima buah pusat iaitu Maktab SOAS, Maktab Anthony Abell, Seria; Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dan Pusat Latihan Teknikal, Jalan Muara (bagi calon-calon sekolah sahaja).

Antara mata-mata pelajaran yang ditawarkan ialah Book-keeping, Shorthand, Typewriting, Commerce, English Language dan English As A Foreign Language dalam tiga peringkat iaitu Elementary, Intermediate dan Advanced.

Bayaran bagi tiap-tiap satu mata pelajaran ialah $30.00 bagi peringkat permulaan, $35.00 bagi peringkat menengah dan $40.00 bagi peringkat tertinggi. Sementara itu bagi Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing bayarannya ialah $46.00 bagi peringkat permulaan, $55.00 bagi peringkat menengah dan $65.00 bagi peringkat tertinggi. Semua bayaran hendaklah dibayar dengan wang tunai atau cek dan dibayar kepada Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Lembaga Peperiksaan, dan dikembalikan mulai dari 18 Jun hingga 18 Julai 1984. Borang-borang yang lewat sampai dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

## Periksa London Chamber of Commerce

BERAKAS. — Persediaan kini sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (PRIVATE SECRETARY'S CERTIFICATE EXAMINATION) bagi bulan Disember, 1984.

Antara mata pelajaran yang ditawarkan ialah Structure of Business Communication, Shorthand Typewriting Duties, Office Organisation and Secretarial Procedures, Audio Typewriting Duties dan Information Processing.

Borang-borang boleh didapati di Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan dikembalikan tidak lewat dari 23 Julai 1984. Sementara itu bayaran bolehlah dibayar secara tunai atau melalui cek.



# DYMM berangkat ziarah ke Makam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ziarah ke Kubah Makam Diraja pada minggu lepas.

Juga berangkat termasuklah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, serta lain-lain Kerabat Diraja.

Hadir sama ialah Yang Berhormat Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar Negara yang lain.

Istiadat dimulakan dengan bacaan doa arwah dan tahlil yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal, Kadi Besar serta diikuti dengan Istiadat menjirus ayeng asah-asahan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain Kerabat Diraja ketika berangkat ke Kubah Makam Diraja (atas). Gambar bawah kelihatan Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien menjirus ayeng asah-asahan ke atas makam Al-Marhumah D.Y.T.M. Paduka Suri Seri Begawan Raja.

# Ahli W.I. junjung ziarah

ISTANA NURUL IMAN. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) telah mengadap dan berziarah bagi menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Istana Nurul Iman pada Khamis lepas.

Rombongan kira-kira 50 orang ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei dari keempat-empat daerah pada hari tersebut telah diketuai oleh Penasihat Pertubuhan WI, Datin Masni bte Haji Ali.

Berangkat sama di majlis pada hari itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain.

Sementara itu di hari yang sama, di Istana Darul Aman, Muara, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah menerima kunjungan bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dari ahli-ahli BISTARI.

Rombongan tersebut diketuai oleh Yang Dipertua Bistari, Datin Edah bte Haji Mohd. Noor. — ZHS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bergambar ramai bersama-sama ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (gambar atas) sementara gambar bawah kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bergambar ramai bersama-sama ahli-ahli BISTARI.



## Perlumbaan basikal BMX

TUTONG — Persatuan Pengakap 2004, Kampong Keriam Tutong akan menganjurkan perlumbaan basikal BMX dan basikal 'Scramble' kecil sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Perlumbaan tersebut akan diadakan pada 29 Julai mulai jam 7.30 pagi.

Tetamu kehormat di temasya itu nanti ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Muhammad yang juga akan menyampaikan hadiah-hadiah.

Perlumbaan itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian; kumpulan A, B dan C dan bagi tiap-tiap kumpulan pemenang pertama hingga ketiga akan menerima hadiah berupa basikal BMX.

Peserta-peserta yang ingin mengikuti perlumbaan ini bolehlah mendapatkan borang-borang penyertaan dari ahli jawatankuasa perlumbaan di Kampong Keriam, Tutong. Borang-borang yang telah siap diisi hendaklah dikembalikan sebelum 15 Julai 1984 kepada Setiausaha atau Pengerusi perlumbaan. Keterangan lanjut boleh didapati dari Pengerusi perlumbaan.

Perlumbaan ini dianjurkan adalah untuk mengutip kewangan tabung Pengakap tersebut dan untuk didermakan kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Tutong.

# POLIS BERJAYA BERKAS BEBERAPA ORANG PENCURI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Polis Diraja Brunei telah berjaya memberkas beberapa kumpulan pencuri yang menjalankan kegiatan secara senyap di negara ini.

Pihak polis melalui Bahagian Siasatan Jenayah telah menerima beberapa laporan kecurian dari orang ramai yang melibatkan pecah rumah, kaset kereta dan implifier, enjin motorsangkut dan lainnya.

Bulan lepas tiga orang lelaki telah dijatuhkan denda sejumlah $12,000 oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan di sini setelah mereka mengaku salah melakukan kecurian di Tamu, Batu 1 Jalan Tutong berhampiran dengan Kompleks Beli-Belah Klasse.

Mereka ialah Awang Haji Azmain bin Haji Ismail, 41, bekerja di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Hidup bin Abu Bakar, 27, setiap seorang didenda sejumlah $4,000 dan Awang Metarsad bin Daud, 21, didenda $5,000 keduanya tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

Menurut pihak polis kejadian itu berlaku lewat tengah malam di bulan Ramadan apabila mereka mengadakan rondaan di kawasan tersebut dan mendapati beberapa orang memasukkan barang-barang ke dalam kereta dari kawasan Tamu itu. Pihak polis lalu memberkas mereka dan mendapati barang-barang curian di dalam kereta termasuklah sebuah mesin jahit, beberapa kotak rokok, kaset dan barang-barang keperluan harian.

Setelah diadakan siasatan lanjut mereka juga didapati terlibat melakukan pencurian di beberapa buah gerai di tempat yang sama. Pihak polis ketika ini telah mendapati barang-barang pakaian curian yang bernilai lebih $12,000.

Salah seorang dari kumpulan itu, Awang Hidup bin Abu Bakar sebelumnya telah didapati melakukan kecurian beberapa buah mesin rumput di kawasan Kampong Delima, Berakas, di mana sebahagian dari mesin-mesin tersebut telah didapati balik oleh pihak polis.

Dua orang pemuda Murut telah dijatuhkan hukuman 13 bulan penjara oleh mahkamah yang sama setelah didapati bersalah mencuri dua buah enjin motorsangkut di Kg. Setia, Kampong Ayer.

Mereka ialah Thony Sendie dan Louie Hendery. Keduanya berumur 19 tahun berasal dari Lawas, Sarawak. Menurut pihak polis kejadian itu berlaku pada tengah malam di bulan puasa di mana keduanya telah berjaya ditangkap oleh penduduk-penduduk kampung tersebut semasa mereka melakukan kecurian itu. Setelah diadakan siasatan lanjut mereka juga terlibat melakukan kecurian enjin-enjin motorsangkut di beberapa buah kampung di Kampong Ayer.

Pemangku Penguasa Polis, Awang Manan bin Osman, Pmk. OCPD Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada orang ramai supaya dapat menghubungi dan memberi bantuan kepada pihak polis dalam membenteras beberapa kumpulan yang melakukan pencurian di beberapa buah tempat yang sedang berlaku di negara ini.



PEMANGKU Penguasa Polis, Awang Manan bin Osman (kanan) dan Pegawai Inspektor Penyiasatan Jenayah, Awang Ismail bin Mohd. Yassin ketika menunjukkan barang-barang curian yang telah diberkas dan diserahkan kepada pihak polis.

## Tujuh orang Inspektor berkursus di S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuh orang Inspektor Polis Percubaan telah berlepas ke Singapura pada hari Sabtu lepas mengikuti satu kursus Inspektor Percubaan Polis di Polis Akademi, Singapura selama lebih kurang tujuh bulan. Kursus tersebut bermula dari 9 Julai.

Mereka itu ialah P/ASP Peng Eng Lee, P/ASP Mohd Mahathir bin Abdullah @ B. Chong Som Teck, P/Insp Ak Noralik bin Pengiran Haji Ahmad, P/Insp Mohd. Hadini bin Haji Othman, P/Insp Johari bin Dato Matnor, P/Insp Ak Zainal Abidin bin Pengiran Haji Md. Yassin dan P/Insp Ak Suhaini bin Pengiran Shahari.

## Peraduan Catur sempena puja usia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Catur Brunei akan mengadakan perlawanan catur bagi Daerah Brunei dan Muara yang akan bermula pada 20 Julai 1984 bertempat di Pusat Belia di sini pada jam 9.00 pagi.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Md. Jaafar bin Haji Timbang, di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan; Cikgu Ali bin Abdullah di Maktab Sains, Jalan Muara; Awang Mohammad bin Haji Damit, di Radio Televisyen Brunei dan Pengiran Mohd. Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd. Yusof, di Pejabat Pencen Negara, Berakas. Tarikh tutup menerima penyertaan tidak lewat dari 19 Julai ini.

Pertandingan ini adalah salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Bot terbakar di Kuala Sg. Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebuah bot yang membawa beberapa orang penumpang telah hangus terbakar dekat stesen minyak terapung berhampiran dengan Pulau Cermin, di Kuala Sungai Brunei.

Kejadian itu berlaku di Hari Raya keempat kira-kira jam 9.45 pagi apabila bot tersebut selesai mengisi minyak di stesen terapung itu dalam perjalanan untuk menuju ke Terusan, Sarawak. Pasukan Bomba Kampong Ayer telah berkejar ke tempat itu dan berjaya memadamkannya setengah jam kemudian.

Bot tersebut telah musnah dan semua penumpang terselamat. Menurut pihak polis punca-punca kebakaran masih dalam penyiasatan.

## Tiga terkorban dalam nahas jalan raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa kemalangan jalan raya telah berlaku semasa merayakan Hari Raya Aidilfitri yang menyebabkan tiga orang terbunuh dan beberapa orang mendapat cedera dan dimasukkan ke rumah sakit.

Di Hari Raya pertama seorang pemandu kereta, Awg. Salleh bin Jamil, 50, dari Kg. Ujong Tanjung telah terbunuh serta merta di tempat kejadian itu dan tiga orang penumpang mendapat cedera ringan apabila kereta yang dipandunya berlanggar dengan sebuah kereta di Jalan Kota Batu.

Dua orang dimasukkan ke Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha dan seorang dirawat sebagai pesakit luar. Mereka ialah Awg. Haji Tengah bin Awg. Zainal, 70, Awg. Haji Metussin bin Haji Latif, 71, dan Awg. Jamil bin Othman, 23 tahun.

Pemandu kereta yang sebuah lagi, Awg. Kuan Hon Mean, 37, juga dimasukkan ke Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha.

Di Hari Raya kedua, seorang anggota ABDB Awg. Mohd. Jun bin Abd. Rahman, 20, telah terbunuh serta merta di tempat kejadian itu apabila kereta yang dipandunya berlanggar dengan sebuah bas di Batu 38, di Kawasan Telisai, Tutong.

Menurut pihak Polis Allahyarham Awg. Mohd. Jun dalam perjalanan balik dari Bandar Seri Begawan ke rumahnya di Sungai Bakong, Lumut, Seria. Pasukan Bomba terpaksa dipanggil untuk mengeluarkan mayat beliau yang terperangkap di dalam keretanya yang telah ranap.

Bas tersebut yang membawa 37 orang penumpang dalam perjalanan ke Istana Nurul Iman untuk junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Para penumpang bas tersebut hanya mendapat cedera ringan.

Korban nahas jalan raya yang ketiga ialah Awg. Morsidi bin Abd. Hamid, 13.

Nahas tersebut berlaku di Batu 2, Jalan Gadong, yang melibatkan tiga buah kereta. Allahyarham Awg. Morsidi salah seorang penumpang, telah meninggal dunia di Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha. Pemandu dan penumpang yang lain mendapat cedera ringan.

## Anak-anak yatim diseru lebih gigih

KUALA BELAIT. — Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abbas menyeru anak-anak yatim supaya berusaha dengan gigih dalam menghadapi pelajaran untuk kebahagiaan masa depan.

Dengan demikian jelasnya, seseorang itu akan beroleh kejayaan di samping dapat menyumbangkan tenaga untuk berbakti bagi kepentingan bangsa dan negara.

Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait menyatakan demikian semasa majlis sambutan Hari Raya Anak-anak Yatim bertempat di Dewan Kelab Ria pada hari Ahad menjelaskan, bahawa Jawatankuasa Tabung Derma juga memberikan berbagai sumbangan termasuklah hadiah-hadiah kepada mereka yang memperolehi keputusan terbaik dalam bidang pelajaran, tahun lepas.

Pengiran Ali Hassan selanjutnya mengingatkan kepada Anak-anak Yatim supaya menjauhkan diri mereka daripada pengaruh-pengaruh yang tidak sihat, di mana kebanyakan kegiatan-kegiatan tersebut akan menyebabkan mereka terjerumus ke lembah kehidupan yang tidak sempurna di hari muka.

Menyentuh mengenai majlis tersebut beliau menjelaskan Tabung Derma Anak-anak Yatim setiap tahun senantiasa memberikan sumbangan dan bantuan termasuklah memaduli hal-ehwal kebajikan mereka.

Lebih daripada 150 orang anak-anak yatim dari seluruh Daerah Belait telah hadir pada pagi itu, dan diserikan dengan permainan-permainan pancaragam, nyayian-nyayian, lawak jenaka, sukan kecil dan kuiz.

Selain dari itu mereka juga diberikan berbagai hadiah Hari Raya dan duit raya sebanyak $37.00 yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin serta Kadi Daerah, Awang Haji Salim bin Haji Besar.

## Seorang lagi jadi mangsa lemas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang budak berumur dua tahun, Awg. Mohd. Azrin bin Johan berasal dari Kg. Sungai Kebun telah menjadi korban mati lemas di Kampong Ayer.

Kejadian itu berlaku di Hari Raya keempat di mana ia telah dilaporkan hilang oleh kedua ibu bapanya kepada Balai Polis di Kampong Ayer kira-kira jam 4.45 petang dan mayatnya telah dijumpai sepuluh minit kemudian oleh salah seorang keluarganya di bawah rumah kedua ibu bapa Allahyarham tersebut.

Menurut pihak Polis setakat ini sebanyak lima orang telah menjadi korban disebabkan mati lemas pada tahun ini. Kebanyakan mangsa-mangsa tersebut adalah kanak-kanak.



SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim dalam salah satu acara permainan meniup belon sehingga pecah.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-234



# MEMBELI AYAM BERSIH YANG DIBEKALKAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM

## (Sebuah kedai yang dimiliki oleh orang bukan Islam tetapi mempunyai seorang Islam bagi tugas penyembelihan)

Hendaklah diketahui oleh umat Islam, bahawa ayam hidup-hidup itu adalah haram dimakan oleh umat Islam, melainkan sesudah disembelih oleh orang Islam dan disembelih menurut cara dan aturan ugama Islam.

Jika seseorang Islam itu masih ragu-ragu atau syak akan ayam itu disembelih oleh orang Islam atau bukan maka ayam itu adalah hukumnya bangkai dan haram dibeli dan dihidang dan dimakan oleh orang Islam dan umat Islam.

Menurut kaedah dalam Islam yang diambil dari Quran dan hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

(1) Asal binatang yang halal dimakan dagingnya dan ayam yang hidup itu adalah haram dimakan, yakni binatang atau ayam yang belum disembelih adalah haram dimakan akannya kecuali melainkan telah disembelih menurut cara Islam dan oleh orang Islam.

(2) Asal perempuan itu haram nikah kepada laki-laki asing, kecuali telah diketahui bahawa perempuan itu bukan mahram dan bukan ada sesuatu manik (tegahan) pada menikahkannya, maka baharulah perempuan itu halal dinikahi oleh laki-laki asing itu.

Dalam masalah kedai bukan Islam membekalkan ayam yang telah dibersihkan atau telah dipotong leher itu dan disiang dan dibersihkan sebagai bahan-bahan makanan orang Islam, dan orang Islam membeli ayam-ayam yang dibersihkan itu adalah diragu-ragukan dan disyakkan ayam-ayam itu disembelih menurut cara Islam, manakala ayam-ayam atau tiap-tiap ayam diragu-ragukan disembelih dan disyakkan sembelihannya menurut cara Islam atau orang Islam maka ayam-ayam yang dibekalkan oleh kedai bukan Islam itu, dihukumkan ayam bangkai dan haram dibeli dan dihidang dan dimakan oleh umat Islam.

Dikatakan bahawa kedai bukan Islam itu ada menyediakan seorang Islam bagi menyembelih ayam yang akan dibekalkan kepada umat Islam, maka kita bertanya:

Adakah nyata dan terang dan nampak kepada kita tukang sembelih yang berugama Islam itu, menyembelih tiap-tiap ayam itu bagi pihak kedai bukan Islam itu? Adakah tiap-tiap ayam yang dibersih yang dibekalkan oleh kedai bukan Islam itu, telah benar-benar disembelih oleh orang Islam itu bagi pihak kedai bukan Islam, sebagaimana didakwa oleh kedai bukan Islam itu?

Tidakkah orang Islam tukang sembelih itu sakit atau bercuti atau diberhentikan oleh kedai orang bukan Islam dari kerja menyembelih? Pada masa ketiadaan tukang sembelih bangsa Islam itu siapa yang menyembelih ayam itu?

Bila masa ada permintaan membeli ayam itu dengan banyak, adakah tukang sembelih berugama Islam itu dapat ia mematuhi permintaan itu? Kiranya tiada dapat ia mematuhi permintaan-permintaan itu, maka siapa pula yang mengganti tukang sembelih berugama Islam itu?

Soal-soal yang seumpama di atas ini dalam perkara yang dikatakan bahawa kedai bukan Islam ada menyediakan tukang sembelih berugama Islam, boleh menimbulkan syak wasangka dan ragu pada betul dan sah bahawa tiap-tiap ayam yang dibekalkan oleh kedai bukan Islam itu, disembelih oleh orang Islam.

Apabila ada ragu-ragu dan syak, maka ayam-ayam dan tiap-tiap ayam yang dibekalkan oleh kedai bukan Islam itu, adalah hukumnya bangkai dan haram dimakan oleh umat Islam menurut kaedah di atas ini.

Dengan keadaan ragu-ragu dan syak pada disembelih menurut cara Islam pada ayam-ayam yang dibekalkan oleh kedai-kedai bukan Islam, maka wajiblah orang Islam membeli ayam yang dibekalkan oleh tukang sembelih bangsa Islam atau ayam-ayam yang dibekalkan oleh kedai-kedai Islam dari lain-lain pasar dalam negara ini.

Bangsa Islam wajib membekalkan ayam bagi dibeli dan dihidang dan dimakan oleh umat Islam, kalau tidak semua orang Islam dalam Brunei Darussalam berdosa, kerana Islam berkehendakkan umat Islam hidup sempurna dan mendapatkan hajat-hajatnya seperti ayam disembelih cara Islam itu, daripada tukang-tukang sembelih Islam dan kedai-kedai membekalkan ayam bangsa Islam, dan Islam mahukan umat Islam berdiri di atas kaki sendiri dan tangan sendiri. Dan tiada suruh peluk tubuh dan bergantung kepada orang lain dan berpeluk tubuh itu adalah haram.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung.......)

# Peraduan Senilukis dan Senifoto

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-38, satu peraduan dan pameran senilukis dan senifoto akan diadakan di Dewan Besar Muzium Brunei di Kota Batu.

Pameran ini akan dibuka rasmi pada 31 Julai dan dibuka kepada orang ramai mulai dari 31 Julai hingga 13 Ogos 1984. Tarikh tutup bagi penyertaan ialah pada 23 Julai 1984 dan tarikh pemilihan pula ialah pada 24 Julai 1984.

Dalam bahagian senilukis ianya dibahagikan kepada enam bahagian iaitu potret, pemandangan, alam semulajadi, batik, abstrak dan arca termasuk ketukan logam, ukiran kayu dan lain-lain.

Peraduan ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan penduduk tetap negara ini. Semua karya (yang dihantar mestilah asli belum pernah diperadukan), dibingkai dengan baik dan sempurna dan tidak kurang dari 1½ × 2 kaki.

Pelukis-pelukis hanya dibenarkan menghantar satu karya bagi peraduan dalam tiap-tiap bahagian dan bagi mereka yang ingin mempamerkan karya-karya mereka bolehlah menghantar tiga karya. Semua karya hendaklah lengkap dengan nama pelukis, nombor kad pengenalan dan warna, nombor telefon, tajuk lukisan dan jenis lukisan. Semua keterangan ini hendaklah ditulis di belakang dan karya-karya untuk dijual hendaklah ditulis harganya. Semua karya hendaklah mempunyai unsur-unsur identiti keBruneian yang menggambarkan penduduk, adat resam atau kebudayaan.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh didapati dari Awg. Abd. Rahim bin Haji Ahmad, Setiausaha Peraduan Senilukis dan Senifoto, Muzium Brunei di Kota Batu. Borang-borang yang telah diisi beserta dengan karya-karya yang akan dipertandingkan atau dipamerkan hendaklah dihantar ke alamat di atas tidak lewat dari 23 Julai, 1984.

Tiap-tiap satu bahagian peraduan yang berjaya akan diberi hadiah pertama, kedua dan ketiga serta empat hadiah saguhati. Hadiah Salon juga akan diberi kepada lukisan-lukisan yang terbaik.

Manakala dalam bahagian senifoto, ianya akan dibahagikan kepada dua penyertaan. Satu bahagian ialah untuk orang-orang kenamaan, Ketua-ketua Jabatan/Firma dan Pegawai Eksekutif/Kanan dan jenis yang dipertandingkan ialah slaid warna. Dalam bahagian lain ianya adalah terbuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap negara ini. Jenis-jenis yang dipertandingkan ialah gambar hitam putih, gambar warna dan slaid warna.

Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar tidak lebih dari enam gambar dan slaid mengikut bahagian yang dilayakkan dan berukuran 8 × 10 inci ke atas. Slaid yang berukuran 35mm hendaklah berbingkaikan kotak kad atau di antara kaca yang sesuai mengawalnya dari rosak.

Semua gambar dan slaid mestilah lengkap dengan nama, alamat dan tajuk. Pemenang-pemenang dalam semua bahagian dan jenis yang dipertandingkan akan menerima hadiah yang berupa Lencana Emas PSB bagi hadiah pertama, Lencana Perak PSB bagi hadiah kedua dan Lencana Gangsa bagi hadiah ketiga. Sementara itu hadiah jurugambar terbaik juga disediakan.

Semua penyertaan beserta borang-borang yang telah diisikan hendaklah dikembalikan kepada Timbalan Setiausaha Peraduan Senifoto, Awang Haji Arpan Mohammad di Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan.

# PEMBETULAN

SATU kesilapan menyusun huruf telah berlaku dalam fatwa Mufti siri ke-232 keluaran 27 Jun yang lalu.

Ayat-ayat di ruangan 1, 2 dan 3 hendaklah dibaca seperti berikut : —

*Soalan: Seorang Islam mempunyai seorang anak yang baharu lahir kemudian anak yang baharu itu telah diasuhkan (diangkat) kepada satu keluarga orang kafir yang berugama Buddha hingga berumur 28 tahun.*

*Kemudian setelah bapa sebenar (ayah kandung) kepada anak angkat si kafir itu sedar maka diambilnya semula anaknya itu dari bapa angkatnya yang kafir.*

*Mengikut keterangan anak itu bahawa walaupun ianya dipelihara oleh bapa angkatnya yang kafir itu akan tetapi dia tidak pernah diajarkan atau disuruh mengikut ugama Buddha iaitu ugama kepercayaan bapa angkatnya itu, sehingga dia mengaku bahawa dia tidak berugama hingga masa ini.*

*Apakah anak itu dianggap tidak berugama atau adakah ia masih seorang Islam kerana ianya dilahirkan oleh ibu bapanya yang Islam cuma ianya dipelihara oleh orang bukan Islam selama kira-kira 28 tahun?*

Jawapan: Bahawa perkara seperti anak orang Islam yang telah dibela oleh orang-orang kafir semakin lama, kemudian datang ibu bapanya yang benar mengambil semula anak itu balik pada pangkuannya, maka Kadi hendaklah berhati-hati dan bercermat, dia panggil anak dan bapanya yang sebenarnya di hadapannya dengan hadir dua saksi laki-laki menurut syarat-syarat menurut Babus-Syhadah dia bertanya bapanya adakah anak itu anaknya: Dan kemudian ........................

# Tiga orang didenda kerana tak puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang yang dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah Brunei Muara dan Tutong pada 27 Jun yang lalu telah didapati salah kerana makan dan minum di khalayak ramai dalam bulan puasa.

Jamil bin Saibon, No 8 Kampong Pahlawan, Limbang, Bahagian Kelima Sarawak dan Ahmad bin Madon, No 15 Kampong Saba Tengah, Brunei masing-masing didenda sebanyak $40.00.

Sementara Md. Sidek bin Abdullah @ Sidek bin Juwi, Kampong Sengkarai, Tutong, dijatuhkan hukuman denda sebanyak $45.00.

Sepanjang bulan puasa yang lalu seramai 30 orang telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi dan didapati salah kerana makan, minum atau merokok di khalayak ramai di siang hari.

# MENSYUKURI NIKMAT ALLAH




DI HARI baik lagi penuh dengan suasana gembira ria ini, marilah kita terus-menerus bertakwa kepada Allah dan janganlah sampai suasana hari raya yang baru kita sambut dengan penuh ketakwaan itu akan berlalu dengan begitu sahaja tanpa meninggalkan kesan-kesan yang baik dari hikmat-hikmat berhari raya yang baru saja kita raikan itu.

Pada kali ini marilah kita kemukakan serba ringkas mengenai dengan soal nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kita masing-masing yang seharusnya tidak boleh tidak mesti kita syukuri. Adapun di antara nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita selain dari anggota-anggota tubuh badan kita memanglah terlalu banyak, ianya tidak dapat dihitung satu demi satu sebagaimana yang diterangkan oleh firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quranul Karim yang bermaksud :

**"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya."**

Kebenaran firman Allah di atas memanglah tidak dapat kita sangkalkan, cubalah kita fikirkan sahaja bahawa segala nikmat yang meliputi anggota tubuh badan kita seperti mata, teliga, lidah, tangan dan kaki terutama sekali akal yang tidak diberikan kepada haiwan hanya kepada kita jenis manusia sahaja, itu semua di samping kurnia-kurnia yang lain yang diberikan Allah kepada kita sebagaimana yang kita rasakan.

Memandang betapa besar dan banyaknya nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita maka kita sebagai makhluk yang sedang mengecap kenikmatan hidup itu seharusnyalah sentiasa merafakkan ucapan rasa syukur terhadap Allah atas segala nikmat yang dikurniakan-Nya dengan begitu banyak kepada kita, dan percayalah jika nikmat-nikmat Allah yang diberikan kepada kita syukuri nescaya ditambahkan lagi oleh Allah akan nikmat-nikmat tersebut sebagaimana firman Allah yang bermaksud :

**"Jika sekiranya kamu bersyukur terhadap nikmat Allah nescaya kamu diperlipatgandakan dan jika sekiranya kamu tidak bersyukur terhadap nikmat tersebut sesungguhnya azab Allah adalah bersangatan."**

Demikianlah peranan syukur terhadap nikmat Allah di mana ianya jika dilakukan dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah, dia akan mendapat kelebihan yang berlipatganda sebaliknya mana-mana orang yang tidak mahu mensyukuri nikmat-nikmat Allah ini sama ada banyak ataupun sedikit akan ditarik oleh Allah akan nikmat-nikmat itu bahawa akan dibalakan dengan azab yang amat pedih.

Selain dari nikmat tubuh badan tadi maka kita berhadapan dengan nikmat yang lain pula yang datangnya dari Allah Subhanahu Wataala yang besar ertinya kepada kita sekalian di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah mengisytiharkan satu kenaikan tangga gaji yang berpatutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda. Berikutan dengan pengurniaan tersebut, tentu sekali kita akan menyambutnya dengan perasaan gembira dan berterima kasih kerana dengan pengurniaan itu sekurang-kurangnya akan dapat membantu dan meringankan bebanan hidup rakyat Baginda yang selama ini memang sangat-sangat diharapkan oleh setiap rakyat, melihat kepada pengurniaan yang akan diberikan oleh Kerajaan ini dapatlah kita rasakan bahawa negara kita Brunei Darussalam pada masa ini ekonominya kian bertambah kukuh yang rakyatnya menikmati dengan penuh kemakmuran dari penghasilan yang berlebih-lebihan.

Di samping kita hidup menikmati kemewahan hidup, kita janganlah lupa akan Allah yang telah memberikan segala nikmat ini, dan di samping itu kita hendaklah merafakkan syukur kepada Allah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta Kerajaan Baginda yang senantiasa bermurah hati dan selalu memikirkan keadaan hidup rakyat Baginda dari masa ke semasa.

---

# Amalan empat konsep hidup bermasyarakat

DALAM mengharungi hidup berkeluarga dan hidup bermasyarakat, umat manusia tidak lepas daripada berbuat kehilafan dan kesalahan yang akan dapat melukai atau menyakiti perasaan orang lain. Di samping itu, tidak sunyi pula daripada berbuat kebajikan yang akan dapat menggembirakan hati orang lain sama ada perbuatan-perbuatan ini disenghajakan atau tidak.

Yang jelas, bahawa apabila perkara ini terjadi, akan menghasilkan dua natijah atau akibat dalam keluarga atau masyarakat. Yang pertama: Perselisihan dan ke-salahfahaman dan ini akan menghilangkan rasa muhibah dan kasih sayang. Yang kedua: Kerukunan dan keharmonian yang akan membuat masyarakat itu bahagia dan saling kasih mengasihi.

Maka justeru itulah ugama Islam sangat-sangat mengharapkan supaya umatnya dalam kehidupan mereka sehari-hari dapat mengamalkan empat konsep hidup bermasyarakat.

Yang pertama: Melupakan segala kesalahan atau kesakitan yang diterima daripada orang lain. Konsep yang pertama ini apabila diamalkan akan dapat mensucikan hati daripada sifat benci, juga akan menimbulkan sifat sabar. Walaupun misalnya dicaci atau difitnah orang yang mencaci atau memfitnah itu tidak sepatutnya dicaci atau difitnah pula. Bahkan haruslah disabarkan. Ertinya kesakitan orang lain itu janganlah dibalas dengan kesakitan pula. Sebagai contoh pintu rumah Rasulullah s.a.w. di Mekah pernah dilumuri orang dengan najis. Baginda Rasulullah tidak membalasnya dengan seumpamanya dan Baginda hanyalah bersabar.

Yang kedua: Mengingat kesalahan atau kesakitan yang dilakukan terhadap orang lain.

Konsep yang kedua ini apabila betul-betul dihayati akan membuat hati sentiasa berjaga-jaga supaya jangan sempat dua kali terjerumus ke lembah kejahatan dan juga akan menimbulkan rasa segan dan ingin bertaubat dan minta maaf kepada orang yang disakiti. Dengan kata lain supaya orang yang disakiti itu tidak merasa benci dan sakit hati. Mintalah maaf kepadanya.

Yang ketiga: Mengenang kebaikan orang lain.

Konsep ini pula akan menanamkan rasa syukur dan terima kasih dalam

*Menuju keredaan Allah*

hati, ingin membalas kebaikan orang lain. Kalau tidak sanggup dengan harta benda cukuplah dengan ucapan terima kasih, mahupun doa dan orang yang berbuat kebajikan itu pula tidak akan henti-henti menabur jasa dan kebajikan. Dengan kata lain kenang-kenanglah jasa orang sebagai tanda bersyukur kepada Allah Taala kerana: orang yang tidak berterima kasih kepada manusia seperti ia juga tidak bersyukur kepada Allah Taala.

Yang keempat: Melupakan kebaikan sendiri.

Konsep yang terakhir ini akan dapat mengikis rasa sombong dalam hati.

Kalau jasa dan kebaikan yang pernah dibuat dan ditaburkan selalu diingat dan dikenang samalah dengan kelakuan iblis yang tidak mahu sujud kepada Nabi Adam a.s. kerana menganggap dirinya mulia dan banyak berbuat kebajikan. Dengan kata lain, anggaplah diri belum pernah berjasa, supaya hati terus ingin berbuat kebajikan.

Kesimpulan: Bahawa masyarakat yang dicita-citakan oleh Islam itu ialah masyarakat yang penyabar yang senantiasa melupakan kejahatan dan kesakitan yang diterimanya daripada saudaranya.

Masyarakat yang senantiasa tahu meminta maaf dan bertaubat dengan selalu mengingat kesalahannya sendiri.

Masyarakat yang pandai bersyukur dan berterima kasih, pandai mengenang jasa dan kebaikan orang lain. Dan masyarakat yang tidak angkuh dan sombong seperti iblis iaitu dengan tetap melupakan dan tidak mengungkit kebaikan yang pernah dilakukannya.

Berbahagialah masyarakat yang rukun dan damai.

---

## Ujian lisan GCE O dan A Level

BERAKAS — Lembaga Peperiksaan memaklumkan bahawa Ujian Lisan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua bagi Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura Cambridge 1984 akan diadakan mulai pertengahan bulan ini.

Bagi calon-calon yang mengambil peperiksaan peringkat 'O' ujian lisan itu akan bermula dari 19 Julai hingga 6 Ogos 1984 sementara bagi calon-calon peringkat 'A' ianya akan diadakan mulai dari 14 Ogos hingga 29 Ogos 1984.

Pihak Lembaga Peperiksaan juga memaklumkan kepada calon-calon yang belum mendapat jadual waktu ujian tersebut supaya akan dapat datang ke Lembaga Peperiksaan untuk mendapatkannya dan bagi calon-calon sekolah jadual waktu tersebut boleh diperolehi dari pengetua masing-masing.

---

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11 Julai, 1984 hingga ke hari Selasa 17 Julai, 1984 adalah seperti di bawah ini : —**

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| 11–15 | 12.31 | 3.50 | 3.51 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.12 | 6.13 |
| 16–17 | 12.31 | 3.50 | 3.51 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.13 | 6.14 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# SISTEM MUASSASAH DIPERKENALKAN PADA MUSIM HAJI TAHUN INI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenankan supaya dihantar satu rombongan ke Saudi Arabia bagi tujuan-tujuan berikut: —

i. Menyiasat akan kedudukan sebenar Muassasah Haji bagi Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam serta kedudukan Syeikh Haji Brunei (Syeikh Ahmad Ibrahim Abdul Rahman, Brunei) dan Syeikh Haji Ali Yassin Abdul Majid.

ii. Merundingkan dengan pihak yang berkenaan di Saudi Arabia untuk memasukkan Syeikh Ahmad Ibrahim Abdul Rahman, Brunei dan Syeikh Ali Yassin Abdul Majid ke dalam Muassasah bagi kawasan Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam.

iii. Jika cadangan (ii) tidak berjaya, maka perundingan dibuat dengan Muassasah di ceraian (i) mengenai kesejahteraan jemaah Haji Brunei.

iv Merundingkan dengan pihak-pihak berkenaan di Saudi Arabia mengenai dengan perumahan jemaah Haji Brunei di Mekah dan Madinah untuk tahun 1984 (jika ada peluang).

Rombongan yang akan merundingkan perkara di atas adalah terdiri daripada YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin — Ketua Rombongan; Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah; Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah dan Awang Haji Md Zain bin Syeikh Haji Ibrahim.

### MUASSASAH DAN TUGAS-TUGASNYA

Setelah diadakan penyiasatan dan berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima, maka kedudukan Muassasah itu adalah seperti berikut: —

**Muassasah dan tugasnya**

i. Muassasah ialah Badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Saudi Arabia dan diletakkan di bawah Kementerian Wakaf dan Haji, bagi memperbaiki perkhidmatan terhadap jemaah haji. Anggota muassasah itu dilantik oleh Raja Saudi Arabia.

ii. Di bawah Muassasah itu ditubuhkan beberapa buah Maktab (ajensi) dan Maktab itu akan dianggotai di lantaranya oleh Syeikh-Syeikh Haji yang dipilih oleh Muassasah, dan Maktab (ajensi) akan bertanggungjawab dan menjalankan tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh Syeikh-Syeikh Haji secara kumpulan di Mekah, Arafah dan Mina.

iii. Muassasah bertugas untuk menyelaraskan perkhidmatan yang diberikan oleh Maktab-Maktab (ajensi) melalui Syeikh-Syeikh Haji, dan Muassasah akan menentukan supaya perkhidmatan itu memberikan kesenangan dan kemudahan kepada jemaah-jemaah haji.

iv Muassasah ditubuhkan menurut pembahagian kawasan-kawasan,sejak tahun 1979 hingga tahun 1983, empat Muassasah telah ditubuhkan iaitu: —

1. Muassasah bagi Eropah

2. Muassasah bagi Turki

3. Muassasah bagi Iran

4. Muassasah bagi India (termasuk Pakistan dan Bangladesh)

5. Pada tahun 1984 ialah Muassasah bagi Asia Tenggara.

**(b) Perumahan**

Di antara tugas utama Maktab (ajensi) adalah bagi menyediakan tempat penginapan (perumahan) jemaah-jemaah Haji, kecuali dengan persetujuan Muassasah, jemaah-jemaah haji adalah dikehendaki tinggal di tempat-tempat yang telah ditentukan oleh Maktab (ajensi). Tetapi, sekiranya jemaah-jemaah haji memerlukan tempat penginapan mengikut kehendak mereka sama ada di Hotel atau di rumah-rumah perseorangan atau di manamana sahaja selain dari tempat yang telah ditentukan oleh Maktab (ajensi), persetujuan daripada Muassasah perlu diperolehi terlebih dahulu.

**(c) Pemilihan Syeikh Haji**

Berkenaan dengan hasrat setengah daripada jemaah-jemaah haji yang ingin memilih Syeikh Hajinya sendiri iaitu mengikut tradisi atau amalan biasa terutama bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah Syeikh Haji yang tertentu, ianya boleh diselaraskan melalui Muassasah, tertakluk kepada keputusan Muassasah.

**(d) Tanggungjawab Maktab**

Maktab-Maktab (ajensi) akan bertanggungjawab dan menjalankan semua tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh Syeikh Haji semasa di Mekah, di Arafah dan di Mina. Apabila jemaah haji tidak berpuas hati dengan khidmat mana-mana Maktab (ajensi) yang mereka diletakkan, maka mereka bolehlah membuat aduan kepada Muassasah iaitu sebagai Badan yang menyelaraskan dan bertanggungjawab atas tugas-tugas Maktab.

**(e) Bayaran-Bayaran**

Segala bayaran seperti sewa rumah di Mekah, kenderaan(Mekah/Arafah/Mina/Mekah), jamu (makan) minum di Arafah/Mina dan lain-lain akan dibuat bukan lagi kepada Syeikh Haji, tetapi akan terus diserahkan kepada Muassasah.

**(f) Mussasah Asia Tenggara**

Muassasah Asia Tenggara mengandungi 13 orang Ahli Jawatankuasa dan Jawatankuasa tersebut akan mengandungi pula beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Sambutan, Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Kenderaan, Jawatankuasa Perumahan dan Jawatankuasa Operasi Arafah dan Mina. Di bawah Muassasah Asia Tenggara akan ditubuhkan sebanyak 20 Maktab (ajensi) di mana tiap-tiap satu Maktab (ajensi) akan dianggotai pula oleh 10 hingga 14 orang Syeikh Haji, dan tiap-tiap satu Maktab itu pula akan diuntukkan sebanyak 4,000 orang jemaah haji.

**(g) Jaminan Perkhidmatan Yang Baik**

Pengerusi Muassasah memberi jaminan bahawa dengan adanya sistem Muassasah ini perkara-perkara yang sering menjadi rungutan jemaah haji dahulu, seperti Syeikh Haji tidak bertanggungjawab, tidak memberi tempat tinggal yang sesuai, bekalan air tidak mencukupi, tidak menguruskan kematian, tidak menyediakan tempat yang sempurna di Mina, akan dapat diatasi dan diperbaiki oleh Muassasah.

### PEMILIHAN SYEIKH

Muassasah adalah bertanggungjawab untuk menentukan jemaah-jemaah haji supaya diletakkan di bawah mana-mana Maktab (ajensi), ertinya setiap jemaah haji tidak boleh menentukan Syeikh Haji yang diingininya, bahkan perkara pemilihan Syeikh Haji itu ditentukan oleh Muassasah. Muassasah yang meletakkan jemaah haji itu di bawah mana-mana Maktab dan di bawah kawalan mana-mana Syeikh Haji dalam mana-mana Maktab itu.

Persetujuan dengan Muassasah telah dicapai seperti berikut —

1. Jemaah-jemaah haji Brunei akan dikumpulkan di dalam satu Maktab (ajensi).

2. Maktab itu serta perkhidmatannya akan dikelolakan (di antaranya) oleh Syeikh Ali Yassin dan waris-waris Syeikh Ibrahim, Brunei.

### PEMBAYARAN-PEMBAYARAN

(i) Beberapa Pembayaran hendaklah dijelaskan kepada Muassasah bukannya kepada Syeikh-Syeikh Haji seperti dahulu, pembayaran-pembayaran itu ialah —

1. Rumah di Mekah
2. Jamu di Arafah dan di Mina
3. Khemah
4. Sewa Bus Mekah/Arafah/Mina/Mekah

(ii) Rumah di Mekah bagi tempat tinggal mempunyai kelas-kelas seperti berikut —

1. Istimewa — Hotel
2. Kelas I — SR 1,500 — 2,000
3. Kelas II — SR 1,000 — 1,499
4. Kelas III — SR 500 - 999
5. Kelas IV — SR 499

Kelas-kelas tersebut dibuat berdasarkan jauh/dekat tempat tinggal itu dari Masjidilharam, dan harga-harga di atas adalah bagi tempat tinggal biasa, manakala jika tempat tinggal itu dilengkapi dengan hawa dingin misalnya, bayaran tambahan dikehendaki sekurang-kurangnya 25%, dan jika kemudahan-kemudahan lain lagi diadakan umpamanya peti sejuk atau jemaah ingin tinggal lebih selesa, maka ia memerlukan bayaran tambahan.

(iii) Lembaga Urusan dan Tabung Haji Malaysia telah bersetuju dengan Muassasah supaya sewa rumah bagi jemaah-jemaah haji Malaysia ditetapkan di Kelas I dengan bayaran, SR1, 400 iaitu tempat tinggal biasa.

Manakala bayaran-bayaran lain adalah seperti berikut —

1. Jamu di Arafah dan Mina — SR 300
2. Khemah — SR 150
3. Sewa bus Mekah/Arafah/Mina/Mekah — SR 100

Jumlah semua perbelanjaan ialah SR1,950, dan jumlah tersebut hendaklah diserahkan kepada Muassasah lebih awal sebelum jemaah-jemaah haji tiba ke Mekah bagi maksud memudahkan Muassasah menguruskan perkara-perkara tersebut.

(iv) Rombongan Brunei bersetuju dengan Persetujuan itu dengan perhatian bahawa jemaah-jemaah haji Brunei selalu tinggal di tempat kediaman yang paling dekat dengan Masjidilharam berhawa dingin dan disediakan peti sejuk dan perkhidmatan air yang memuaskan. Begitu juga tempat tinggal di Mina jemaah-jemaah Haji Brunei menghendaki tempat tinggal yang paling dekat dengan tempat melontar.

Pengerusi Muassasah menyatakan bahawa bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik yang di luar daripada perkara biasa, itu boleh dirunding, dan hendaklah diberi tahu kepada Muasssasah untuk makluman dan perhatian Muassasah.

Pembayaran-pembayaran hendaklah diserahkan kepada Muassasah bagi setiap orang jemaah haji sebelum mereka sampai ke Mekah sekurang-kurangnya dua minggu yang berjumlah SR 1,950 tiap-tiap seorang bagi maksud bayaran-bayaran yang dinyatakan tadi.

Sewa rumah biasa di Mekah yang dipersetujui dengan Muassasah ialah sebanyak 1,400 Rial, sedangkan pada lazimnya jemaah-jemaah haji Brunei berkehendakkan tempat tinggal di Mekah sekurang-kurangnya rumah itu paling dekat dengan Masjidilharam, dan selain daripada keadaan biasa seperti adanya tilam dan bantal, maka hendaklah disediakan —

a — Hawa dingin
b — Peti sejuk
c — Air hendaklah sentiasa ada dan mencukupi
d — Khadam yang mencukupi
e — Kebersihan yang memuaskan.

Kelaziman-kelaziman sedemikian adalah terkeluar daripada pengertian Rumah Biasa.

Berdasarkan kehendak-kehendak di atas, sudah tentu sewa rumah semasa di Mekah akan melebihi daripada sewa yang dipersetujui dengan Muassasah sebanyak SR1,400 itu. Perkara ini perlulah diambil perhatian oleh jemaah-jemaah haji Brunei yang inginkan kehendak-kehendak mereka kepada keselesaan semasa berada di Mekah dipenuhi.

### TEMPAT TINGGAL DI MINA

Tempat tinggal di Mina yang dikelolakan oleh Muassasah ialah tanah Kerajaan seperti tempat orang Iran ditempatkan dua tiga tahun yang lalu. Tempat itu tidak dikenakan bayaran dan jauhnya kira-kira lebih dua batu dari tempat melontar, sikap jemaah haji Brunei perlu diambil kira, tambahan lagi keadaan sekarang ini musim panas, masalahnya adakah jemaah haji Brunei sanggup tinggal di tempat yang disediakan oleh Muassasah itu. Tempat tahun lalu ialah merupakan tanah private (Hush) yang disewa dengan harga yang mahal, dan jika jemaah-jemaah haji Brunei masih ingin tempat itu juga pihak Maktab sendiri bersedia untuk berusaha bagi menyewa tempat itu dengan berdasarkan harga sewa pada tahun lalu.

Sewa tanah private (Hush) di Mina pada tahun yang lalu ialah 700 Rial. Perkara ini perlulah diambil perhatian oleh jemaah-jemaah haji Brunei yang inginkan kehendak-kehendak mereka kepada kemudahan semasa berada di Mina dipenuhi.

Perundingan-perundingan lanjut Brunei mengenai dengan sewa rumah di Mekah dan sewa tempat tinggal di Mina akan dibuat oleh Rombongan Pegawai-Pegawai Perhubungan Haji yang akan pergi lebih awal ke Mekah sesudah melihat sendiri akan rumah di Mekah dan tempat-tempat di Mina. dan ketetapan-ketetapan harga sewa akan dibuat berdasarkan perundingan tiga pihak iaitu —

1. Rombongan Pegawai Perhubungan,
2. Pihak Maktab
3. Muassasah.

Pegawai-pegawai Perhubungan Haji adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada jemaah-jemaah haji, dalam pada itu perlulah diambil perhatian bahawa semasa mereka menjalankan tanggungjawab mereka itu di Jeddah, Mekah dan Madinah termasuk di Arafah dan Mina, bahawa mereka adalah menjalankan tugas di sebuah negara asing iaitu Negara Saudi Arabia, maka dengan itu sebarang usaha yang dijalankan oleh Pegawai Perhubungan Haji bagi mengendalikan jemaah haji adalah tertakluk kepada Undang-Undang dan Peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Saudi Arabia.

## Wakil Daerah Brunei-Muara dan Temburong dipilih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Membaca Al-Quran Bagi Belia-Belia di Daerah Brunei-Muara dan Temburong telah berlangsung pada petang hari Ahad lepas bertempat di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba di sini.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Awang Harun bin Haji Ismail, Setiausaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan selaku tetamu kehormat.

Seramai tiga orang qari dan tiga orang qariah telah terpilih dari 16 orang peserta yang bertanding. Mereka terdiri daripada Awang Abdul Rahim bin Haji Tengah dari Persatuan PERKASA; Awang Ismail bin Haji Sulaiman dari Hadrah DEWANA; Awang Matzain bin Menudin dari Persatuan TEGUH; Dayang Rogayah binti Haji Tinggal dari Hadrah DEWANA; Dayang Noridah binti Haji Zainal dari Persatuan PERKASA dan Dayang Noriah binti Haji Abd. Hamid dari Persatuan TEGUH.

Majlis itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Halifah binti Pengarah Cikgu Omarali, Johan Kanak-kanak Bahagian B Seluruh Negara Brunei Darussalam.

Pengerusi majlis Awang Haji Md. Yusof bin Abu Bakar telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Wakil Majlis Belia-belia Negara Brunei Darussalam, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid dalam ucapannya menyeru belia-belia di seluruh negara akan bersatupadu dan meningkatkan persefahaman di kalangan mereka berdasarkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap.

MBB, katanya sangat-sangat memerlukan golongan belia yang terpelajar dan yang sedar akan tanggungjawab bermasyarakat.

Menurutnya, Majlis Belia-belia kini mempunyai 73 buah persatuan gabungan dengan keramaian ahli sebanyak antara 12,000 hingga 15,000 orang di seluruh negara.

Manakala tetamu kehormat, Awang Harun bin Haji Ismail pula dalam ucapannya menyeru para belia akan mendampingkan diri dengan ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunah Rasul yang mana ianya boleh menjadi sandaran dan benteng dalam menghadapi cabaran dan pengaruh Barat yang kurang baik yang mudah merebak di kalangan belia-belia.

Di antara pengaruh itu, jelas beliau ialah pengaruh

Lihat muka 16

## sudut Royal Brunei سودوت

# DIRAJA BRUNEI SERTAI PAMERAN PERDAGANGAN

PESTA Perdagangan yang diadakan selama lima hari telah mendapat sambutan hangat dari orang ramai, di mana Syarikat Penerbangan Diraja Brunei juga telah menyertai pesta tersebut dan memperlihatkan berbagai-bagai aspek. Malah bukan saja untuk penerbangan bagi penumpang-penumpang akan tetapi memperluaskan lagi di bidang kejuruteraan dan perkhidmatannya. Wakil tersebut telah membuat mutu yang tinggi nilainya di bidang kejuruteraan.

RBA juga mempunyai hasil kerjatangan daripada asas latihan kejuruteraan yang mereka perolehi semasa menjalani kursus di New Zealand. Pada mulanya, mereka mendapat kursus untuk membuat alat seperti perkakas kotak yang diperbuat daripada besi. Lebih daripada 40 orang mekanik dan kejuruteraan telah mengikuti kursus di New Zealand.

Banyak lagi yang belum mengenali yang RBA adalah wakil yang tertentu, tinggi mutunya dari segi hasil kejuruteraan seperti Paauto, Cablecraft, Turco.

Poauto adalah yang paling tinggi mutunya yang terdapat sekumpulan yang boleh menghubungi di antara 'gear box' dan enjin.

'Cablecraft' adalah kabel-kabel yang boleh berjalan seperti PUSH — PULL Flexible Control Cables dan Control Heads, maksudnya benda yang boleh berpusing. manakala 'quadrastat' mengumpul yang lebih kuat dan boleh dipercayai.

Manakala Turco adalah hasil penerbangan seperti membuka cat, bertanggungjawab atas kebersihan dan juga memperlihatkan alat-alat pemadam api jika berlakunya sesuatu kebakaran dalam sebuah pesawat kapalterbang.

Barang-barang yang dipamerkan oleh Syarikat tersebut termasuklah gambaran di dalam sebuah kapalterbang.

RBA juga mempamerkan BIKOM iaitu sebuah komputer yang memainkan peranannya, di mana ia boleh menghubungi kepada sistem BABS kepunyaan British Airways di London yang dikatakan paling besar dan boleh menghubungi kesemua negara. Syarikat tersebut juga membuat poster-poster yang sungguh menarik bagi orang ramai yang berjunjung dan T-shirt juga dijual untuk orang ramai.

Pameran yang terbesar pernah diadakan di Negara Brunei Darussalam ini sangat-sangatlah menggalakkan bagi si pembeli-si pembelinya untuk berkunjung. Pesta tersebut bermula pada 20 Jun 1984 yang lepas dan telah pun berakhir pada minggu lalu.



PENGURUS Besar RBA, Awang David Lowe menerangkan kepada Awang Haji Mustapha bin Haji Ahmad mengenai beberapa jenis barang yang dipamerkan oleh RBA (atas) sementara gambar bawah ialah Turbo Fan Engine yang juga dipamerkan di pesta tersebut.





PENGURUS Penjualan, Awang George Tan menyampaikan hadiah kepada salah seorang wakil penjual yang memenangi hadiah.

# Dua wakil penjual terima hadiah

STRAITS Central Sarawak dan Harisson & Crossfield dari Kuala Belait dan Ken Travel dari Bandar Seri Begawan telah berjaya menjual 'Package Tours' yang paling banyak untuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Wakil-wakil RBA itu masing-masing telah menerima tiket pulang balik serta belanja penginapan dan sightseeing, ke Hong Kong, Bangkok dan Manila.

Hadiah-hadiah tersebut telah disampaikan oleh Pengurus Penjualan RBA, Awang George Tan di Pejabat RBA di Kuala Belait.

Pada masa ini Package Tours yang disediakan oleh RBA ialah ke Singapura, Manila, Darwin, Bangkok dan Hong Kong.



GAMBAR atas ialah alat komputer jenis ICL 2903 yang sekarang digunakan oleh Penerbangan Diraja Brunei.

Alat ini digunakan untuk sistem inventory melalui enquiry terminal yang memberi maklumat stok jenis alat ganti bagi Bahagian Stor dan Perbekalan.

Di samping itu alat ini juga mengerjakan tugas-tugas kewangan dengan membuat kas tugas dan perakaunan dan akan menyediakan slip gaji untuk semua kakitangan RBA.

# Penempatan kerja di RBA

Beberapa orang penuntut dari Pusat Latihan Teknikal Brunei, di Jalan Muara kini sedang menjalani penempatan bekerja di beberapa bahagian di Ibu Pejabat RBA, Jalan Costain untuk selama 10 minggu.

Penuntut-penuntut ini sedang mengikuti kursus dalam jurusan Business Studies di PLTB.

Semasa di RBA mereka ditempatkan di bahagian Perdagangan, Kewangan, Supplies dan lain-lain.

# RBA biayai dua rombongan

DIRAJA Brunei telah membiayai dua rombongan baru-baru ini. Rombongan tersebut ialah Pasukan go-kart yang telah kembali ke tanahair untuk mengikuti lumba go-kart international.

Acara tersebut telah diadakan di Jakarta di mana wakil pelumba Negara Brunei Darussalam telah berjaya memperolehi di tempat yang kedua di acara 'team race' dengan Jepun. Johan ialah Denmark dengan Indonesia dan di tempat ketiga ialah negara Hongkong. Perlumbaan ini telah disertai oleh negara-negara ASEAN, Pasifik dan Eropah.

Manakala rombongan yang kedua yang dibiayai oleh RBA ialah Royal Brunei Yacht Club di mana rombongan tersebut telah berlepas ke Darwin dan juga telah kembali ke tanahair.

Pasukan dari Brunei sekali lagi gagal untuk merampas piala Interport Team Racing yang telah ditajakan oleh RBA.

Pada tahun lalu, di mana pasukan dari Darwin telah bertanding di Pantai Serasa, Muara dan telah menyandang piala tersebut.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 11 Julai hingga 17 Julai 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 11.7.1984 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 11.7.1984 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 11.7.1984 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut | 12.7.1984 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 12.7.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd. Yussof Katimahar | 14.7.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 14.7.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 14.7.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 14.7.1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 14.7.1984 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lanunin | 14.7.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| *Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing | 16.7.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 16.7.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 17.7.1984 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas | 17.7.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap | 17.7.1984 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kg. Mata-Mata, Gadong | 17.7.1984 | Selasa | 3.30– 4.00 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 17.7.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |

* Cuti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Berkat pimpinan bijaksana Kebaw

# NEGARA NIKMAT

# DAN M

Oleh: Ja

SUASANA aman dan makmur yang dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini sekarang adalah hasil daripada pimpinan yang adil dan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Kepimpinan Baginda yang adil dan bijaksana itu sebenarnya adalah diwarisi daripada kepimpinan yang telah dicontohkan oleh ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin di mana kalau kita menoleh kebelakang zaman pemerintahan ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia tidak sahaja dikenali oleh rakyat sebagai seorang ketua negara yang mempunyai sifat warak, pengasih dan bertimbang rasa malah dalam menjalankan tugas-tugas negara Baginda senantiasa bersikap adil, bijaksana serta penuh tanggungjawab.

Maka tidak hairanlah jika sifat-sifat kepimpinan yang sedemikian itu diwarisi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sehingga Baginda amat dikasihi oleh seluruh rakyat jelata.

Memperkatakan tentang kepimpinan Baginda, dapat kita amati dari mula Baginda menaiki tahta kerajaan tanggal 4 Oktober, 1967 di mana dalam titah pertama di atas Singgahsana selaku Sultan yang ke-29 bagi Negeri Brunei (Negara Brunei Darussalam), Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan (sebelum Baginda dipuspakan) telah berikrar untuk meneruskan dasar-dasar Paduka Ayahanda Baginda, juga akan meninggikan taraf hidup rakyat melalui projek-projek perkembangan yang berfaedah dan untuk menjunjung dan melindungi Ugama Islam serta adat istiadat. Seruan Baginda kepada Pembesar-Pembesar Negara, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Anggota-Anggota Majlis Mesyuarat dan rakyat jelata supaya memberikan kerjasama yang erat dan mutlak sebagaimana yang telah mereka berikan kepada Paduka Ayahanda Baginda di masa-masa lampau.

"Beta selaku Sultan dengan sedaya upaya Beta akan berusaha pada menjalankan dasar-dasar Paduka Ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan laila usaha bagi kemakmuran negara serta memelihara nama baik Negeri Brunei Darussalam, juga mementingkan laila usaha dan meninggikan taraf hidup rakyat melalui rancangan dan kesejahteraan perkembangan negara yang telah dan sedang dibuat oleh Paduka Ayahanda dahulu, dan mudah-mudahan dengan izin Allah, Beta juga senantiasa akan menjaga dan memelihara dengan tidak kendur-kendurnya laila usaha mengenai Ugama Islam yang benar-benar dan Adat Istiadat Negeri Brunei," demikian titah sulung Baginda di atas Singgahsana.

Sepanjang pemerintahan Baginda, Negara Brunei Darussalam mengalami proses pembangunan dari semasa ke semasa. Baginda amat mengambil perhatian berat tentang kemajuan negara terutama dari sudut pembangunan dan ekonomi, dan hal ini dapat dibuktikan dari titah-titah Baginda sejak menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota lagi. Umpamanya, semasa merasmikan pelancaran dua buah kapal buatan Syarikat Limbungan Kapal Takehara Berhad, Muara pada tahun 1966, Baginda telah bertitah bahawa syarikat tersebut yang dimodali oleh rakyat Brunei dan Jepun itu adalah 'satu langkah yang baik'.

Bertitah sempena Hari Keputeraan Baginda tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menegaskan bahawa rakyat dan penduduk negara ini memainkan peranan yang penting dalam menyertai dan mendukung perkembangan ekonomi dan sosial yang sedang dan akan berjalan dengan rancaknya.

Tentang menjalankan usaha-usaha yang mendatangkan faedah Baginda menasihatkan rakyat negara ini supaya janganlah hendaknya mengharapkan dari sumber satu-satu hasil yang tertentu saja.

sebaliknya
ingatkan
kepada s
pendudu
menump
usaha da
untuk
kerja b
kebajikan
Baginda
mengin
supaya j
mudah
mundur
kesul
da harap
rakyat te
tuk me
projek-pr
datangka
boleh n
hasil neg
dan daya
diri.

Aspek-
kemajuan
pelajaran
perhati
Menurut
sebesar-b
tidak ad
nya aka
nikmat
kebahagi
pengetah

"Pe...e
nomi dan
ini tida
lancarkan
tanpa inis
ilmu per
pengalam
rakyat da
diri," t
semasa
Perwakila



BAGI mempastikan pentadbiran berjalan dengan licin lagi effisien Baginda sendiri telah membuat lawatan ke beberapa buah jabatan kerajaan untuk meninjau perkembangan jabatan-jabatan berkenaan. Gambar menunjukkan ketika Baginda berangkat melawat ke Jabatan Muzium.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kelihatan sedang memeriksa barisan kehormatan dan memberikan tabik hormat kepada Panji-Panji Pasukan Polis Diraja Brunei semasa berlangsungnya istiadat perbarisan kehormatan yang diadakan di Padang Besar, di ibu negara.

Bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-38 tahun ini, Istiadat Perbarisan Kehormatan hanya akan diadakan di ibu negara, bagaimanapun istiadat tersebut tidak akan diadakan di daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong kecuali Istiadat Menjunjung Duli yang akan diadakan di daerah-daerah berkenaan.



# D.Y.M.M.:
# SUASANA AMAN
# AKMUR

Abd. Latif

a meng- nenyeru kyat dan ini agar la daya mereka kerja- najukan sendiri. pernah rakyat kali-kali sa dan eberapa gin- semoga aha un- yahkan g men- h yang angkan inisiatif yat sen-

seperti bidang endapat ginda. walau na pun gkinan- uahkan n dan oa ilmu

eko- negara at di- baiknya urnian, serta alangan uk sen- aginda Agung Belia-

Belia Negeri Brunei pada tahun 1968. Oleh kerana itu Baginda mengingatkan kepada seluruh rakyat dan penduduk, khususnya kepada penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah supaya menyedari proses kemajuan dan perkembangan negeri ini serta menanamkan semangat yang tidak kendur-kendur untuk mencari ilmu pengetahuan yang setinggi-tingginya.

Kepada pegawai-pegawai Kerajaan, Baginda menyeru peri mustahaknya menambahkan ilmu pengetahuan yang berhubung dengan lapangan masing-masing demi untuk menyempurnakan dan melicinkan pentadbiran negara ini. Jadi, titah Baginda, untuk mendukung dan menjamin kemajuan dan perkembangan yang berpanjangan; maka Brunei sangatlah berkehendakkan orang-orang yang berilmu pengetahuan dan pakar-pakar dalam segala jurusan.

Hasrat Baginda tidak lain dan tidak bukan iaitu supaya rakyat menikmati keamanan, ketenteraman, kemakmuran serta kebahagiaan yang membolehkan Negara Brunei Darussalam terus berkembang maju dalam berbagai-bagai bidang yang berkebajikan.

Walaupun negara kita kini sedang pesat membangun dari segala segi dan semakin giat membangun semakin tinggi pula ekspetasi rakyat terhadap pembangunan; maka dalam hal ini, titah Baginda rakyat haruslah menyedari bahawa tidak semua rancangan-rancangan kemajuan dan pembangunan yang dirancangkan oleh kerajaan Baginda dapat dilaksanakan selekas-lekasnya atau sebanyak-banyak yang rakyat kehendaki. Kerana sesuatu rancangan itu akan memakan masa untuk disusun, dirancang dan dilaksanakan dan justeru itu, Baginda mengingatkan kepada rakyat dan penduduk negara ini sungguhpun dengan kurnia Allah, Brunei mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk melaksanakan apa jua rancangan-rancangan yang difikirkan bermanfaat kepada rakyat dan negeri ini, namun negara Brunei mengalami kekurangan tenaga manusia yang berkemahiran untuk mengerjakan sesuatu yang berkehendakkan kemahiran itu. Apa yang diharapkan oleh Baginda ialah supaya rakyat bersabar.

Bagaimanapun, kerajaan Baginda senantiasa memberi keutamaan yang tinggi kepada rancangan-rancangan yang bertujuan untuk melatih orang-orang Brunei dalam berjenis-jenis bidang pekerjaan supaya bilangan tenaga yang berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu akan bertambah dari setahun ke setahun. Tetapi menurut Baginda kejayaan rancangan-rancangan tersebut bergantung kepada keinsafan rakyat sendiri, terutama golongan belia yang masih dibangku sekolah, yang mana galakan kepada mereka sangatlah mustahak bagi memasuki jurusan-jurusan teknikal dan profesional yang sangat-sangat dikehendaki oleh negara pada masa ini dan masa-masa akan datang.

"Dalam hubungan ini, Beta telah mengarahkan Kerajaan Beta untuk menyusun serta mengatur semula pentadbiran supaya pegawai-pegawai yang berkelulusan dan berkelayakan yang tertentu akan digunakan tenaga mereka dalam jawatan-jawatan yang sewajarnya yang mana semua ini adalah bertujuan untuk mencapai hasrat Beta supaya pentadbiran Kerajaan Beta akan berjalan dengan licin lagi cekap demi kepentingan negara dan rakyat Negeri Brunei serta segala isi di dalamnya," demikian titah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena ulangtahun keputeraan Baginda tahun lalu.

Baginda semasa berangkat bercemar duli ke Mukim Sungai Kebun tahun 1981 yang lalu.

Walaupun Baginda senantiasa sibuk dengan tugas-tugas negara terutama sejak akhir-akhir ini, namun tanggungjawab Baginda terhadap rakyat tidak pernah diabaikan malah Baginda juga meluangkan masa untuk mendampingi rakyat bagi mengetahui dengan lebih dekat lagi hal-ehwal dan kebajikan rakyat Baginda. Pada tahun 1981, Baginda telah banyak membuat lawatan ke Mukim-Mukim sekitar Daerah Brunei dan Muara. Setiap kali Baginda bercemar duli ke mukim-mukim atau ke daerah-daerah menemui rakyat, Baginda sebagai pemimpin negara seringkali berpesan dan memberikan nasihat kepada rakyat supaya terus mengamalkan cara hidup berbaik-baik, hormat-menghormati, berbaik-baik dengan jiran tetangga dan bermuafakat pada jalan kebajikan.

Nilai-nilai hidup seumpama itu, titah Baginda adalah merupakan adat berkampung yang telah diwarisi sejak zaman berzaman yang patut diamalkan demi untuk mengekalkan suasana kehidupan yang aman dan tenteram. Sebaliknya hindarilah dari mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri yang langsung tidak mengambil berat akan jiran sekampung dalam hal-hal yang berkebajikan, nasihat Baginda.



...gi rakyat untuk meninjau kehidupan rakyat dan mengenal pasti masalah mereka. Gambar ini menunjuk-
...ercemar duli ke Mukim Sungai Kebun (kiri) sementara gambar atas penduduk-penduduk Mukim Sungai
... keberangkatan Baginda ke mukim tersebut.

# RTB Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

## 'BAYANGAN MELALUI ULASAN'

MEMBUAT liputan selari adalah merupakan satu tugas penting, malahan boleh diibaratkan sebagai 'highlight' dalam keseluruhan terbitan radio. Apa yang menjadikannya istimewa ialah ianya adalah bahan 'fresh' yang dilaporkan dan diterima dalam masa yang sama oleh penerima atau pendengarnya tanpa sebarang perselisihan waktu.

Bagi apa jua peristiwa yang dianggap penting di Negara Brunei Darussalam ini, pihak radio tidak ketinggalan membuat liputan seperti yang lazimnya berlaku. Lebih-lebih lagi sekarang dalam keadaan negara kita bergemerlapan dengan lampu-lampu neon yang melambangkan musim perayaan tiba lagi.

Walaupun Syawal masih bersama kita perayaan di negara ini sekarang sudah mula mengalihkan halanya dan lebih menumpukan fokasnya pada perayaan tahunan untuk menyambut tibanya Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

### GELARAN 'MAGIC'

Melalui khidmat radio, pendengar akan dapat mengikuti siaran secara terus-menerus liputan-liputan upacara perbarisan di semua daerah di negara ini. Khidmat serupa ini bukanlah baru bagi radio dan tidaklah keterlaluan jika ia diberi jolokan gelaran 'magic' ataupun diibaratkan seperti satu permainan silap mata. Jika hendak diteliti memang ada kebenaran pada jolokan itu kerana tanpa mengira di manapun seseorang pendengar itu berada, dengan hanya mengikuti siaran radio bayangan suasana perayaan pun terus muncul di depan mata dengan berpandukan ulasan-ulasan dari juruhebah yang ditugaskan.

Tujuan besar radio selain dari target asalnya untuk memberi panduan ialah untuk merakam dan menyimpan hasil-hasil rakaman di detik-detik yang bersejarah seperti hari puja usia itu dari tahun ke tahun. Kerana radio di samping berfungsi selaku penyiar adalah juga berperanan sebagai tempat untuk mengacukan rujukan.

Sandiwara radio:

## 15 JULAI

MINGGU ini Bahagian Melayu, Radio akan menyiarkan sebuah Sandiwara Khas untuk menyambut hari ulang tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan cerita yang berjudul 15 Julai, tulisan A. Mohammad Timbang, Brunei.

Penulis membayangkan tentang keinginan Pak Lasim, seorang penduduk di Daerah Temburong untuk turun ke bandar untuk menyaksikan sendiri perbarisan bersempena dengan Hari Puja Usia itu.

Walau bagaimanapun, Pak Lasim tidak bersedia untuk pergi seorang diri. Ia khuatir untuk meninggalkan anaknya Lijah yang kebetulan sedang sarat mengandung. Setelah didesak oleh Pak Lasim, akhirnya Lijah pergi juga ke bandar bersamanya.

Setelah sampai ke Sungai Brunei, Lijah sakit perut hendak melahirkan anaknya. Ahkirnya dengan bantuan orang-orang yang hilir mudik di sana Lijah dibawa ke rumah sakit. Setelah Lijah selamat melahirkan anaknya, satu masalah timbul lagi bila Pak Lasim baru menyedari yang mereka tidak mempunyai sebarang bekalan pakaian untuk anak yang baru lahir.

Mujurlah Sagap, siapa yang juga baru menghantar iserinya untuk bersalin menghadapi masalah yang sama dengan Pak Lasim. Sebelum mereka pergi ke kedai untuk membeli apa yang mereka perlukan, Sagap mengajak Pak Lasim ke rumahnya terlebih dahulu.

Bila saja Pak Lasim sampai di rumah Sagap, satu peristiwa yang menyayat hati telah berlaku, dan tujuan asalnya untuk menyaksikan perbarisan sudah bertukar haluan. Apakah peristiwa itu? Ikutilah siaran Sandiwara Khas 15 Julai ini pada 15 Julai, 1984.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.



MEMBERSIHKAN pantai Britanny yang telah mengalami tumpahan minyak dari sebuah kapal tangki minyak yang dapat disaksikan dalam rancangan dokumentari NOVA : The Black Tide pada hari Selasa kira-kira jam 6.05 petang.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan bersama awda lagi dengan menampilkan pendengar kita iaitu Ak Yusri bin Pg Daud, di alamat No. 106 Kampong Tasek Meradun, Batu 5½ Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Ak Yusri akan bersama awda semua pada hari Selasa 17 Julai jam 4.00 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU
## 11 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 TWINKLE TWINKLE LITTLE STAR

4.55 INSPECTOR GADGET

5.20 MR. SMITH : "Mr. Smith Gets "Physical"
Raymond menghendaki Mr. Smith sihat dan cekap kerana khuatir melihat tabiatnya yang sukakan makanan bergula.

5.45 WILD KINGDOM : "Land Of Shadow"

6.00 BERITA AWAL

6.05 WILD KINGDOM — sambungan

6.15 TEKA TEPAT

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 HOTEL : "Designs"
Dalam kesibukan glamor pertunjukan fesyen di St. Gregory Hotel romans telah berbunga di antara Peter dengan seorang sosialit wanita menarik yang mempunyai rahsia yang trajik.

7.53 AZAN ISYAK

7.56 HOTEL — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 APANYA KATANI KHAS UNTUK HARI RAYA

10.20 GAVILAN : "Best Friend Money Can Buy"

11.10 TAYANGAN GAMBAR : "A Fine Pair"
Seorang pegawai polis New York diminta membantu seorang wanita cantik Itali yang pernah dikenalinya 10 tahun terdahulu. Wanita itu meminta bantuannya mengembalikan sejumlah barang-barang kemas rompakan. Sebelum menyedarinya pegawai polis itu telah terlibat dalam satu rompakan. Pelakon-pelakon : Rock Hudson, Claudia Cardinate, Thomas Millian, Leon Askin, dan lain-lain.

12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS
## 12 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 DONKEY KONG

5.00 MY NAME IS . . . "Rashidi, And I Come From Tanzania"

6.00 BERITA AWAL

6.05 KASIHANLAH SAYANGILAH (Ulangan)

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 KASIHANLAH SAYANGILAH — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 MANIMAL : "Night Of The Scorpion"

7.53 AZAN ISYAK

7.56 MANIMAL — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 HIDAYAT

9.05 DUNIA MINGGU INI

9.35 HAWAII FIVE O : "A Very Personal Matter"

10.25 MAN ABOUT THE HOUSE

10.50 GOLF : U.S. Open Bhg. I

11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT
## 13 JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN

12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

12.12 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

**PETANG**

1.25 SOCCER : European Football Championship 1984 : Semi-Final — France lwn Portugal

3.25 ROAD RUNNER

3.51 AZAN ASAR

3.55 WEBSTER

4.15 MILLER'S COURT : "The Set Up"

4.45 YOU ASKED FOR IT

5.10 MAKING THE MOST OF THE MICRO

5.30 MIANI MIATU

5.45 SHIRT TALES

6.00 BERITA AWAL

6.05 TEKA TEPAT

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 AIRWOLF

7.53 AZAN ISYAK

7.56 AIRWOLF — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN

8.45 LIPUTAN NASIONAL

9.15 DRAMA : "Hujan Di Tengah Hari (Ulangan)

9.45 DALLAS : "The Unexpected"
Jessica Montford, adik Clayton Farlow tiba di Southfork untuk perkahwinan saudara lelakinya dengan Ellie.

10.35 MAGNUM : "On Face Value"

11.25 WKRP IN CINCINNATI : "Till Debt Do Us Part"

11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU
## 14 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SCOOBY AND SCRAPPY DOO

5.30 KASIHANILAH SAYANGILAH No. 2 (Ulangan)

6.00 BERITA AWAL

6.05 TOWARDS 2000 :
Rancangan ditumpukan mengenai pelancaran Space Shuttle dari Cape Carnival.

6.30 JUST OUR LUCK : "King Kahoom's Curse"

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 JUST OUR LUCK — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 T. J. HOOKER : "Payday Pirates"

7.53 AZAN ISYAK

7.56 T. J. HOOKER — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

9.05 MARI MEMASAK : "Kuih Acara"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.

9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Nostalgia Di-S.M.A."

11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Duffy"
Seorang bangsa Amerika tinggal di Tangiers telah diminta oleh dua orang bersaudara supaya membantu mereka menyelewengkan pengiriman wang tunai sejuta dollar kepunyaan ayah mereka yang selalu menggertak sehingga menimbulkan perasaan dendam terhadapnya. Pelakon-pelakon : James Coburn, James Mason, James Fox, Susannah York, dan lain-lain.

12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD
## 15 JULAI

**PAGI**

7.15 PEMBUKAAN

7.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

7.26 SUSUNAN RANCANGAN

7.30 SIARAN LANGSUNG ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN HARI PUJA USIA KE-38 TAHUN KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

9.00 MUTIARA

9.50 SIARAN LANGSUNG ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG-BINTANG DAN PINGAT-PINGAT KEBESARAN.

12.20 TAYANGAN GAMBAR : "Giants"

12.31 AZAN ZUHUR

12.36 TAYANGAN GAMBAR — sambungan

**PETANG**

1.45 OLIVER TWIST (Animasi)

2.35 PERSONALITY SHOW : "Mahani & Kamaliah (SBC)

3.25 THE GREENSTONE

3.51 AZAN ASAR

3.56 THE GREENSTONE — sambungan

4.30 FRAGILE EARTH "Siarau — The Tidal Forest" — Ulangan

5.30 BERDENDANG BERSAMA ANNUAR DAN ELINNA — Ulangan

6.00 BERITA AWAL

6.05 BERDENDANG BERSAMA ANNUAR DAN ELINNA — sambungan

6.15 SPORTS BILLY (Animasi)

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 SPORTS BILLY — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 DRAMA : "Perwira"

7.53 AZAN ISYAK

7.56 DRAMA — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 BERSAMA S. ROS, SAEMAH DAN MAHANI

9.20 LIVING HERITAGES IN ASIA : "Traditional Music In India"

9.45 PERSEMBAHAN ROMBONGAN KEBUDAYAAN INDONESIA (Ulangan)

10.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Perjanjian Syaitan"

12.00 THE TWO RONNIES

12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN
## 16 JULAI

2.00 PEMBUKAAN

2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

2.12 SUSUNAN RANCANGAN

2.15 TAYANGAN GAMBAR : "Ruckus"

3.51 AZAN ASAR

3.56 PERTUKARAN KEBUDAYAAN ARTIS-ARTIS RADIO DAN TV ASEAN (Ulangan)

5.26 THE BISKITTS

6.00 BERITA AWAL

6.05 SUPERFRIENDS

5.30 TEKA TEPAT

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 FALCON CREST : "Changing"

7.53 AZAN ISYAK

7.56 FALCON CREST — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 THE WORLD OF ISLAM : "Islam Today"

9.55 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Langit Tidak Selalu Cerah"

11.25 TOP OF THE HILL (Episod terakhir)

12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA
## 17 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 CANTINFLAS

5.00 DOKUMENTARI : Nature of Things

5.30 BUGS BUNNY SHOW

6.00 BERITA AWAL

6.05 NOVA : "The Black Tide"
Pada pagi 16 Mac, 1978 kapal tangki minyak Amoco Cadiz terkandas di pantai Britanny dan menumpahkan keseluruhan minyaknya sebanyak 68 juta gallon itu ke laut. Nova merencanakan bencana itu dan akibatnya kepada penduduk-penduduk di sana.

6.42 AZAN MAGHRIB

6.52 NOVA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 SCARECROW AND MRS. KING

7.53 AZAN ISYAK

7.56 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 ARENA SUKAN

9.20 SELEKTA DANGDUT (Ulangan)

10.00 DYNASTY : "The Nightmare"
Kerana terasa keseorangan, Alexis selalu saja kebingungan sejak kematian Mark yang sentiasa dalam lamunannya.

10.50 TAYANGAN GAMBAR : "Transplant"
Seorang eksekutif berumur 35 tahun telah bekerja keras untuk mencapai kemewahan bergelar "American Dream" dengan tiba-tiba mengidap penyakit jantung. Ini memaksakannya berhenti kerja dan sesuatu yang diidamkannya. Hanya satu jalan yang terakhir baginya untuk hidup ialah dengan menjalani satu pembedahan yang merbahaya. Dipilihnya kesempatan ini supaya dapat meneruskan kehidupannya untuk beberapa tahun lagi dengan keluarganya. Dipadankan dari cerita benar tulisan Philip Dobson, Melinda Dillion, Bibi Bosch, Granville Van Dusan, dan lain-lain.

12.20 SIARAN TAMAT.

# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 11 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 930 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.
TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampaian (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Dandan Setia Siri Ke-6), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.
MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

### HARI KHAMIS 12 JULAI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.
TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.
PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama 4.00—Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah
MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 13 JULAI

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00—Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.
TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Irama Selingan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Senja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.
MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

### HARI SABTU 14 JULAI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.
TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 15 JULAI

PAGI: 9.00 — Siaran Langsung Istiadat Perbarisan Hari Keputeraan DYMM dan Istiadat Mengadap.
TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.
PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.
MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00—Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

### HARI ISNIN 16 JULAI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.
T/HARI: 1-30 — Permintaan Hari Isnin.
PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).
MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 17 JULAI

PAGI: 9.00 — Siaran Langsung Istiadat Perbarisan Hari Keputeraan DYMM dan Istiadat Mengadap di Daerah Tutong.
T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.
PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.
MALAM: 7.00—Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

P.M.
8.00 From Me You — Selamat Hari Raya (R)
9.00 Popular Classic — (Disc 31 side 1 of 2)
9.30 Talking About Music — 263/290.

#### Thursday

P.M.
8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: Pericles, Prince of Tyre by William Shakespear (side 3 & 4 of 6).
9.30 Jazz at The Questors: The Stan Tracey septet (Prog. 4 side 3).

#### Fridays/Holidays

A.M.
11.00 Olympic Countdown — 2/5 (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 587/604.
11.30 Children's half hour.
NOON
12.00 Stringsound — 57/59.
12.45 My Music — 308/436.
P.M.
1.15 Book Club: Treasure Island by Roberts Louis Stevenson 12/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 28/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K841-11 side 2A & 3B).
4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.
8.30 Thirty-Minute Theatre: "A Cry . . . Almost a Scream" by Jane Beeson.
9 00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat).

#### Saturday

P.M.
2.00 Just For Variety
3 00 Gurkhali Programmes.
8.00 Melody Time.
8.30 Animal, Vegetable and Mineral — 26/30.
9 00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1024.

#### Sunday

A.M.
11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.
NOON
12.00 A Date with .........
12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1024 (repeat)
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Olympic Countdown
2.45 Albert And Me by Jim Eldridge: Comedy series about adventures misadventures of an unmarried father and His Baby son — 7/8.
3.15 Just For Variety.
P.M.
8.00 Our Views (repeat).
8.30 BBC Science Magazine.
9 00 Beautiful Music — 20/60.
9.30 Soundtrack of The Sixties (K841-11 side 1B).

#### Monday

P.M.
8.00 Theatre Forty-Five: Hamish and Max by James Cameron.
8.45 The Guitar Greats: B. B. King (side 1 of 2)
9.30 Jim Reeves and His Music Prog 6 (side 1 of 2).

#### Tuesday

P.M.
8 00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: Tears for Fears (side 2).

#### Daily

A.M.
6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast, Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
NOON
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Chinese down for morning transmission on Fridays and Sundays.
P.M.
9.15 News.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL: 268 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No.: 84AB/RAM018

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBANGUN SEMULA PEJABAT-PEJABAT DAN STOR-STOR, TUKER LINES, SERIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultant, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Kompleks, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 269 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AR/065

PEMBINAAN LONGKANG, SUMP DAN KALBAT KONKRIT TEPI JALAN DI BATU 7 DAN BATU 13 JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 270 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Khas dalam sistem pengesan gas untuk :

PROJEK No.: AD419/3102

MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, UJIAN PENGUKURAN DAN KOMMISION BAGI SISTEM PENGESAN GAS DI PUSAT KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN DI JALAN RESIDENCY, B.S.B., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Tingkatan Satu, Blok A3, Kampong Parit, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 271 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD419/3901

CADANGAN BANGUNAN KEMAJUAN KERJASAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khauis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 272 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK No.: AD419/2601

KERJA-KERJA LUAR DI STADIUM KEBANGSAAN BRUNEI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 273 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA PEMBINAAN-PEMBINAAN YANG ADA DI SEKOLAH MELAYU AMAR PAHLAWAN KAMPONG PERPINDAHAN, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: 274 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. 84AB/PEL178

MENINGGIKAN PARAS LANTAI DAN PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT TETULANG UNTUK PEJABAT BAHAGIAN KURIKULUM, JABATAN PELAJARAN, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 275 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk

PROJEK No.: AW416/0103

PERUBAHAN STESEN PENGEPAM NAJIS No. 3 — JALAN TUTONG — (KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM, MEKANIKAL DAN ELEKTRIK).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Muhammad dan Hooi Jurutera Perunding, Giok Tee Building, 66-67 Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 276 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL142

SURAU UNTUK MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 277 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. 84AB/PEL054

PEMBINAAN KEDAI UNTUK SEKOLAH MELAYU BUKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Juiai, 1984.

Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 278 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (berdaftar sebagai Pemborong Elekrtik) untuk :

PROJEK No. AD426/1101

CADANGAN PEMASANGAN ELEKTRONIK UNTUK KERANI-KERANI DALAM CAWANGAN LATIHAN SEMBOYAN SEKSYEN PENTADBIRAN, PENANJONG KEM, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 279 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD426/2201

PEMBINAAN BARIK BLOK BARU — PENANJONG, TAPAK No. 2 (KOMPLEKS COY PENGAMBILAN TERMASUK SEBUAH BLOK 2 TINGKAT DAN ENAM BUAH BLOK 3 TINGKAT).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $5,000.00 — $100.00 (lukisan).

### BIL: 280 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AD/040

CADANGAN PEMBAIKAN JALAN DI SIMPANG JALAN BERAKAS KEM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

## Sebagai Penolong Perancang

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PERANCANG di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2280 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai sijil atau diploma yang bersesuaian;

ATAU

b) Lulus Tingkatan V Aliran Inggeris dengan sekurang-kurangnya 3 kelulusan Peringkat 'O' atau yang sebanding serta mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman yang bersesuaian di RTB.

c) Mestilah fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

**Tugas-tugas :**

Mengawas dan meneliti kerja-kerja Penolong-Penolong Susunan Jadual. Menyediakan dan mengeluarkan jadual mingguan dan billing terlebih awal. Membantu Pengurus Persembahan dan Perancangan dalam tugas-tugas umumnya dan menjadi wakilnya bila perlu.

Bertanggungjawab di bawah Penolong Ketua Rancangan-Rancangan untuk mendapatkan rancangan-rancangan dari luar negeri; untuk kontrak-kontrak harian, terutamanya dengan telex, dengan Syarikat-Syarikat penjual dan mencatat minit-minit dalam mesyuarat-mesyuarat dengan wakil-wakil mereka yang datang atas lawatan. Membantu Penolong Ketua Rancangan-Rancangan bagi urusan-urusan pembayaran bagi rancangan-rancangan yang diimport, melaui Kementerian Kewangan.

**Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.**

**Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh tutup : 24 Julai, 1984.**

**(Bil iklan : 119/1984)**

**(E/1259/78).**

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/87/1984

Tajuk : THE SUPPLY AND DELIVERY OF PROGRAMMABLE LOGIC CONTROLLER SWITCHBOARDS.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL: PPL/89/1984

Tajuk: PHTOCELL CONTROL UNIT

Tarikh tutup : 13 Ogos, 1984.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/83/1984

Tajuk : FLOURESCENT TUBES AND BALLASTS

Tarikh tutup : 13 Ogos, 1984.

Cagaran : $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENOLONG PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji** : C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Diploma dalam bidang Kemajuan Kerjasama atau HND dalam Business Studies dari maktab-maktab yang diiktiraf atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya;

ATAU

b) Sijil dalam sebarang kursus Kerjasama dari maktab-maktab yang diiktiraf dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja Penyeliaan Gerakan Kerjasama.

Pengalaman praktikal dalam penyeliaan serta pengetahuan kira-kira dan perakaunan syarikat.syarikat Kerjasama adalah sebagai satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Sebagai ketua bahagian daerah yang akan ditentukan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan bertanggungjawab ke atas semua penyeliaan urusniaga dan pentadbiran syarikat-syarikat Kerjasama dalam daerahnya. Bersedia menjalankan tugas-tugas di luar masa bekerja dan pada hari-hari kelepasan awam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup : 26 Julai, 1984.

( Bil iklan : 120/1984 )

( E/755/79 ).

## Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELANGGARA STOR TINGKAT II :

**Tanggagaji** : D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelanggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama tiga tahun akan juga dipertimbangkan.

Am :

Sanggup bekerja pada Hari-hari Kelepasan Awam.

2. TUKANG KEBUN :

**Tanggagaji** : F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

Am :

Sanggup bekerja pada Hari-hari Kelepasan Awam.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 31 Ogos, 1984.

( Bil iklan : 129/1984 )

## Pemandu Motosangkut Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU MOTOSANGKUT TINGKAT II di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji** : F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.

b) Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela cara bebas.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motosangkut sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggung-Jawab** :

Selaku Pemandu Motosangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang dan barang-barang; pengiriman surat atau terlibat di dalam perkhidmatan memandu atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar-luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 31 Ogos, 1984.

( Bil iklan : 128/1984 )

( E/584/83 ).

## Telecommunications Department Tender Notice

**PROJECT No. P 1041**

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for Excavation and laying of buried cables on the new roadway leading to the New Istana at Jerudong.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon 23rd July 1984. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :

P 1041
INSTALLATION OF BURIED CABLES TO NEW ISTANA — JERUDONG.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 21st July 1984 at the Telephone. Exchange — Sengkurong. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## Kenyataan Tawaran Jabatan Penjara Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station untuk Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (Specifications) bagi VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station ini bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Penjara, Jerudong pada bila-bila masa Pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan "TAWARAN VHF/UHF HANDHELD TRANSCEIVERS DAN BASE STATION UNTUK JABATAN PENJARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin pada 16 Julai, 1984.

4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut :—

i) Tarikh sampai
ii) Harga C.I.F.
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## DI JABATAN PERIKANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PERIKANAN :

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pelajaran asas yang baik sekurang-kurangnya Tingkatan III aliran Melayu dan berkhidmat sekurang-kurangnya 4 tahun di Jabatan Perikanan sebagai Pembantu Perikanan Rendah.

ATAU

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' termasuk mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains dan mempunyai kecenderungan dalam kerja-kerja Perikanan.

**Tugas-tugas** :

Menolong dalam semua aspek kerja kemajuan Perikanan, menjaga perjalanan projek-projek luar dari hari kesehari dan melaksanakan lain-lain tugas sebagaimana yang akan ditentukan dari masa kesemasa.

**Am** :

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

2. PEMBANTU PERIKANAN RENDAH :

**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman** :

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei lan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.

**Tugas-tugas** :

Menjalankan kerja-kerja Am Perikanan seperti memunggut perangkaan dan menjalankan tugas-tugas yang bersagkut-paut dengan kemajuan dan pengembangan perikanan. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidat di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

( Bil iklan : 123/1984 )

( E/1374/76 ).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN — JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: KB 56 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk :

PROJEK No.: AD406/1601
SEKOLAH RENDAH DI LABI, DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 16 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $600.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENGARANG

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENGARANG di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

i) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

ii) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :—

a) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.

b) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran termasuk mata pelajaran pengetahuan Ugama serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

iii) Hendakalah mempunyai pengalaman dalam karang-mengarang dan urusan-urusan penerbitan.

iv) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

v) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (ii) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan seperti salah satu daripada yang dinyatakan di bawah bolehlah dipertimbangkan :—

a) 7 tahun perkhidmatan yang mana 3 tahun daripadanya dalam jawatan yang ada hubungannya dengan karang-mengarang dan penerbitan.

b) Pengawai Kerajaan yang telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai pengalaman dalam karang-mengarang dan urusan-urusan penerbitan.

**Syarat-syarat Lantikan**:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

**Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.**

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 25 Ogos, 1984.

(Bil iklan : 125/1984)

(E/343/72).

## Di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUGAMBAR :

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

Kelulusan sekurang-kurangnya SRP/LCE dan mempunyai pengalaman setahun dalam bidang fotografi. Kebolehan yang luar biasa dalam beberapa jurusan penggambaran seperti potret, close-up, micro, copying dan kerja-kerja memproses dan printing serta berkebolehan dalam membuat caption adalah diutamakan.

**Am**:

Calon-calon hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan mereka 4 keping gambar hitam putih atau berwarna berukuran 12" × 15" atau 4 keping slide warna sebagai contoh hasil kerja pemohon itu sendiri.

2. PEMBANTU PENYUNTING :

**Tanggagaji**: D. 3 EB.4-5— $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau sebanding dengannya dan mendapat kepujian cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman dalam berita dalam sebuah akhbar sekurang-kurangnya 3 tahun; dan

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan juga berkebolehan membaca jawi dengan baik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Julai, 1984.

(Bil iklan : 124/1984)

(E/13/78).

## Jabatan Perpindahan Kementerian Pembangunan

Bil. 6/1984

1. Nama Projek : PEMBINAAN 84 BUAH RUMAH BAGI PERINGKAT I RANCANGAN PERPINDAHAN /PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :—
Jabatan Perpindahan,
Tingkat 3, Bangunan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan
Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.
mulai hari Rabu 11 Julai, 1984 hingga hari Khamis 26 Julai, 1984, jam 4.00 petang.

3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $5,000.00 (Lima Ribu Ringgit Sahaja).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 30 Julai, 1984, jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran :

a. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

b. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan nama projek berkenaan tanpa menunjukkan pengenalan pemborong, dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

d. Cagaran tawaran akan dikembalikan kepada yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

e. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong hendaklah membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam dalam kelas yang ditetapkan dan juga surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan "banker's guarantee" sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

f. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## Notis Tawaran Jabatan Perikanan

TUKANG Jahit-Tukang Jahit adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka bagi membuat pakaian seragam untuk kakitangan Jabatan Perikanan seperti berikut :—

1. Safari Jecket sebanyak 16 pasang @ ..............
2. Untuk perempuan sebanyak 8 pasang @ .....................
3. Untuk lelaki sebanyak 40 pasang @ ...........
4. Seluar sahaja sebanyak 26 pasang @ ...........
5. Untuk Buruh sebanyak 48 pasang @ ...........

Semua tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Julai, 1984 dalam sampul surat berdaftar dan diseal. Sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan perkataan 'TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERIKANAN," tanpa membubuh nama pengirim.

Contoh-contoh kain dan warna serta keterangan lanjut boleh didapati di Jabatan Perikanan Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

## Kenyataan Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama

### PEMBEKALAN BUKU-BUKU PELAJARAN DAN ALAT MENGAJAR

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka mengenai perkara di atas, kepada Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, mengenai perkara di atas tidak lewat pada hari Isnin 23 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN BUKU-BUKU PELAJARAN DAN ALAT MENGAJAR JABATAN HAL EHWAL UGAMA" tanpn membubuh atau menunjukkan identit puemborong.

3. Wang cagaran tawaran sebanyak $200.00 (Dua ratus ringgit sahaja) hendaklar dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, bila-bila masa waktu bekerja hingga hari Sabtu 21 Julai, 1984, jam 3.00 petang.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Borang tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Tingkat Pertama "Bahagian Tawaran" Bilik No. 205.

6. Kerajaan eKebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan mnasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 1200 tengah hari, hari Isnin 6 Ogos, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (03730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran diutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dkehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

**BIL. PROC/T/114/84**
MEMBEKAL: KNIFE EMERGENCY
**Cagaran: $200.00.**

**BIL. PROC/T/115/84**
MEMBEKAL : WIRE, CONCERTINA BARBED ROLL
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/116/84**
MEMBEKAL : URN TEA
Cagaran : $100.00.

**BIL. PROC/T/117/84**
MEMBEKAL : LAMINATOR MACHINE
**Cagaran: $150.00.**

**BIL. PROC/T/118/84**
MEMBEKAL : ENGINE ASSEMBLY GS
Cagaran : $150.00.

**BIL. PROC/T/119/84**
MEMBEKAL : BASE PLATE SUPPORT CUSHION
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/120/84**
MEMBEKAL : CARDIO-AID DEFIBRILLATOR
**Cagaran: $150.00.**

**BIL. PROC/T/121/84**
MEMBEKAL : 2 RING ELECTRIC COOKER
Cagaran : $300.00.

**BIL. PROC/T/134/84**
MEMBEKAL : PARACHUTE SPARES AND ACCESSORIES
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/135/84**
MEMBEKAL : OSCILLATOR TEST SIGNAL INTERFACE
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/136/84**
MEMBEKAL : TYRES FOR LANDROVER
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/137/84**
MEMBEKAL : BUNKED STEEL
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/138/84**
MEMBEKAL : TEST SET VSWR
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/139/84**
MEMBEKAL : SUN 12' X 7'
Cagaran : $200.00.

**BIL. PROC/T/140/84**
MEMBEKAL : AUTOMATIC PARACHUTE RELEASE
Cagaran : $100.00.

## Telecommunications Department

### VEHICLE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 23rd. Julai, 1984.

2. Tenders received after the stipulated date and time will, be rejected.

3. Tenders are for supply of the following vehicle :—
Motor — Boat — unit 1.

4. Approximate date of delivery must be stated. All price quoted CIF.

5. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—
"TENDER FOR SUPPLY OF VEHICLE (MOTOR — BOAT) TO TELECOMS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,"
bearing no indication of the name or the tenderer.

6. Further details may be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $200.00.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# DPPW BERANGKAT HADIRI SIDANG MENTERI ASEAN

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam pada petang Hari Sabtu lepas telah berangkat ke Republik Indonesia bagi menghadiri Mesyuarat Ke-17 Menteri-menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Jakarta bermula 9 Julai dan akan berakhir pada hari Jumaat ini.

Duli Yang Teramat Mulia ditemani oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir; Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie; dan Awang Yusof bin Haji Abd. Hamid.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengucapkan selamat belayar ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Juga mengucapkan selamat belayar ialah Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Awang Zuwir Djamal; dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam.

Doa selamat di istiadat itu telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Iman Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam.



D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah junjung ziarah kepada ayahandanya, Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien sejurus sebelum berangkat ke Jakarta pada hari Sabtu lalu. Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (kiri) juga turut berangkat sama.

# Lantikan Kuasausaha Switzerland ke Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Otto Gritti telah menyembahkan Surat Kabinet sebagai Kuasausaha Tetap Switzerland ke Negara Brunei Darussalam yang menetap Di Singapura ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bertempat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negara Brunei Darussalam di sini pada pagi hari Sabtu lepas.

Tuan Otto Gritti telah dilantik sebagai Kuasausaha yang menetap di Singapura mulai 1 Januari tahun ini.

Beliau yang kini berusia 59 tahun dan dilahirkan di Schuls, Canton of Grisons, mula berkhidmat dengan Jabatan Hal-Ehwal Luar Negeri Persekutuan pada tahun 1945.

Sejak itu beliau telah dihantar berkhidmat ke Olso, Cairo, New Delhi, Philadelphia, Monnovia selain dari berkhidmat di Bernes; dan pada tahun 1975 pula beliau menjadi Ketua Perwakilan Diplomat Switzerland di Kuwait.



D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika menerima mengadap Kuasausaha Switzerland ke Brunei, Tuan Otto Gritti.

# Kunjungan ke Istana

Dari Muka 1

Istana Nurul Iman telah dibuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga hari bermula Hari Raya kedua. Istana tersebut dibuka selama empat jam setiap hari.

Di hari pertama Istana tersebut dibuka, seramai 6,757 orang telah berkunjung. Di hari kedua adalah merupakan yang paling ramai berkunjung iaitu seramai 12,366 dan di hari ketiga pula ialah seramai 7,857 orang.

Sementara itu Istana Darul Aman juga telah dibuka kepada orang ramai untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Selama tiga hari Istana itu dibuka, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah menerima kunjungan seramai lebih dari 3,500 orang.

# Perayaan Puja Usia Baginda

Dari Muka 1

Brunei pula akan diadakan pada malam hari Ahad 21 Julai; Perlumbaan Perahu dan Motorsangkut di Sungai Brunei pada hari Ahad 29 Julai dan Pameran Senilukis dan Foto pula akan diadakan di Muzium Brunei, Kota Batu pada hari Selasa, 31 Julai depan.

Sementara persembahan-persembahan kebudayaan dari penuntut sekolah dan maktab-maktab serta persatuan-persatuan belia juga akan diadakan bertempat di Tapak Tanah Lapang Bekas Rumah Sakit Lama; di samping Pertunjukan Bunga-bunga Hidup dan Pertunjukan Kanak-kanak Sihat; persembahan artis-artis luar negeri serta berbagai-bagai lagi acara yang bercorak kegumaan.

Perayaan Hari Keputeraan di Daerah Tutong akan bermula pada 17 Julai; di Daerah Temburong pada 19 Julai; dan bagi Daerah Belait pula pada 22 Julai.

# Abu Sufian juara Bintang Remaja '84

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah berangkat bagi menyaksikan pertandingan Bintang Remaja 1984 yang telah berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei di sini pada malam Sabtu lepas. Yang Teramat Mulia juga telah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta peraduan tersebut.

Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Remaja dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei dan telah disertai oleh sepuluh orang peserta.

Pertandingan yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen itu ditaja oleh Colgate Palmolive.

Awang Mohd. Abu Sufian bin Md. Alinoorddin dari Daerah Brunei dan Muara telah muncul sebagai juara dalam pertandingan itu dengan memperolehi 83 markah dan menerima hadiah sebuah perisai serta wang tunai sebanyak $1,500.00.

Naib juara pula telah disandang oleh Dyg Rossiah Anuar dengan markah 82, menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,000.00 manakala pemenang ketiga yang menerima wang tunai $750.00 jatuh kepada Dk. Monirah bte Pengiran Mohiddin, kedua-dua mereka ini juga dari Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan Bintang Remaja tahun ini juga telah diserikan oleh penyanyi undangan dari Indonesia Chicha Koeswoyo. Pada malam tersebut beliau telah mempersembahkan lima buah lagu dari album beliau sendiri dan sebuah lagu asli Brunei.

Berangkat sama menyaksikan pertandingan pada malam itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad serta pegawai-pegawai kanan Radio Televisyen Brunei. — ZHS.



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah menyampaikan Oskar Kejuaraan Bintang Remaja kepada Awg. Mohd. Abu Sofian.

# Kursus Kerani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 16 orang kerani yang baru berkhidmat dari beberapa buah jabatan Kerajaan akan mengikuti Kursus Pengenalan bagi kerani-kerani yang baru berkhidmat.

Kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan Pejabat Perjawatan itu akan diadakan dari 17 hingga 19 Julai.

Penceramah dalam kursus itu nanti adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Unit Latihan Pejabat Perjawatan.

Dari muka 6

dadah yang kini hangat diperbincangkan di peringkat antarabangsa. Pengaruh dadah sangat memberikan kesan yang buruk kepada negara dan para belia khasnya dengan menimbulkan sikap malas; tidak bertanggungjawab dan keruntuhan moral.

Belia-belia, kata beliau merupakan harapan negara untuk memainkan peranan yang penting dalam pembangunan.

Berhubung dengan peraduan yang dianjurkan pada hari itu, menurut Awang Harun, ianya merupakan satu langkah yang bijak dan bertepatan dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengembang giatkan ajaran-ajaran Al-Quran dan ugama Islam kepada peringkat belia dan orang-orang dewasa.

Di akhir majlis tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta yang terpilih ke peringkat kebangsaan nanti.

Majlis yang diadakan itu adalah dianjurkan oleh Majlis Belia-belia Negara Brunei Darussalam (MBB) dan diselenggarakan oleh Persatuan PERKASA.

# Lumba basikal jarak jauh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amator Brunei akan menganjurkan Perlumbaan Basikal jarak jauh dari Kuala Belait Ke Bandar Seri Begawan pada 12 Ogos depan.

Perlumbaan sejauh 74 batu itu dianjurkan bersempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 dan terbuka kepada semua penduduk-penduduk di seluruh negara ini.

Perlumbaan ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Perseorangan Senior, Perseorangan Junior di bawah umur 17 tahun ke bawah dan berpasukan di mana setiap pasukan hendaklah mempunyai empat orang peserta pelumba.

Borang-borang penyertaan boleh didapati di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Awang Ismail bin Apong di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Kuala Belait, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim Pejabat Penerangan Tutong, dan Awang Yusuf bin Haji Misir di Pejabat Letrik Temburong. Setiap penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 1 Ogos 1984.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.